



# penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

# PEK MAKLUMAT SUKUK PRIHATIN

PARA PELABUR DINASIHATKAN AGAR MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PEK MAKLUMAT INI. SILA HUBUNGI PENASIHAT PROFESIONAL ANDA UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

18 OGOS 2020



---

## Notis Penting

---

Dokumen ini disediakan untuk maklumat pelabur sahaja berkenaan Sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia (“Sukuk Prihatin”).

Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini tidak boleh dianggap sebagai tawaran, syor atau pelawaan untuk jual beli Sukuk Prihatin seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini. Pek Maklumat ini tidak mengandungi sebarang nasihat atau maklumat lengkap berkaitan Sukuk Prihatin dan tidak boleh menggantikan nasihat pelaburan profesional. Sehubungan itu, anda dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional mengenai pelaburan serta risiko berkaitan Sukuk Prihatin.

Sila ambil perhatian bahawa semua maklumat yang terkandung dalam dokumen ini dianggap tepat pada tarikh ianya diterbitkan seperti di muka pertama Pek Maklumat ini.

Sukuk Prihatin adalah satu produk pelaburan (dalam bentuk sekuriti pendapatan tetap) yang ditawarkan hanya kepada rakyat Malaysia, syarikat/firma yang diperbadankan di Malaysia dan pemegang amanah berdaftar (untuk pemegang yang layak sahaja), koperasi, yayasan, pemilik tunggal, perkongsian, persatuan atau organisasi perbadanan lain yang beroperasi di Malaysia. Pelabur dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada maklumat yang terkandung dalam dokumen ini dan disarankan agar melakukan penyelidikan yang dirasakan perlu sebelum membuat sebarang keputusan untuk melabur. Penyataan fakta dalam dokumen ini dibuat pada tarikh yang dinyatakan dan boleh dipinda dari semasa ke semasa tanpa notis.

**PARA PELABUR PERLU MELAKUKAN PENILAIAN SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN. SEKIRANYA PELABUR TIDAK BOLEH MELAKUKAN PENILAIAN SENDIRI, MEREKA DINASIHATKAN AGAR MENDAPATKAN KHIDMAT PENASIHAT PROFESIONAL.**

Pek Maklumat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi (*prevail*) dan diguna pakai.

---

# Penyataan Matlamat

---

## Para Pelabur,

Kerajaan Malaysia (“**Kerajaan**”) dengan sukacitanya memaklumkan penerbitan satu produk inovatif, pertama kali seumpamanya iaitu Sukuk Prihatin untuk pelabur runcit dan korporat. Sukuk ini diperkenalkan bagi memenuhi permintaan orang ramai untuk bersama-sama menyumbang ke arah membina semula negara pasca COVID-19.

Sukuk dengan amaun langganan minimum berjumlah RM500 sahaja menawarkan kadar keuntungan sebanyak 2.0% setahun, dibayar setiap sukuan tahunan dari tarikh terbitan bagi sepanjang tempoh 2 tahun. Buat julung kalinya, Sukuk ini boleh dilanggan di saluran perbankan digital (internet/mudah alih) di semua Bank Agihan melalui aplikasi JomPAY atau DuitNow.

Sukuk Prihatin adalah sebahagian daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (“**PENJANA**”) yang dilancarkan pada 5 Jun 2020 dengan tiga objektif utama: untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi.

Terimaan Sukuk ini akan disalurkan ke Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan bagi menangani krisis COVID-19. Contoh inisiatif adalah seperti yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan pasca COVID-19 termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut: -

- a) Perbelanjaan kesihatan yang berkaitan dengan penyakit COVID-19;
- b) Pembiayaan/geran kepada perusahaan mikro; dan
- c) Meningkatkan kesalinghubungan sekolah di luar bandar, sekali gus berfungsi sebagai hab yang menghubungkan kampung berhampiran.

Pek Maklumat Sukuk Prihatin (“**Pek Maklumat**”) menyediakan butiran mengenai pelaburan dalam instrumen ini, termasuk objektif, ciri-ciri utama dan manfaat serta panduan terperinci berhubung permohonan dan proses pelaburan serta maklumat-maklumat lain yang berkenaan.

Kami berharap Pek Maklumat ini akan memudahkan para pelabur membuat keputusan yang lebih tepat.

**Kerajaan Malaysia**

# GLOSARI



Bersama Memacu Masa Depan Negara  
#KitaUntukKita

## Terma / Singkatan

Terma / Singkatan	Tafsiran
ATM	Mesin Teler Automatik
BNM	Bank Negara Malaysia
BPAY	Pembayaran Bil
BRN	Nombor Pendaftaran Perniagaan
Bank Agihan	Bank-bank yang mengambil bahagian disenarai dalam Lampiran I di mana agihan Sukuk Prihatin akan dibuat dan e-saluran yang disediakan untuk permohonan Sukuk Prihatin
Bank Agihan Utama	Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) sepertimana dilantik dan diberi kuasa sebagai institusi pelaburan utama hanya untuk transaksi Sukuk Prihatin menurut ketetapan GFA
DB	Bank Agihan
DuitNow	Platform pembayaran digital yang dikendalikan oleh PayNet
GFA	Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan sebarang arahan, peraturan, undang-undang atau instrumen lain yang dibuat di bawahnya
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GNI	Pendapatan Negara Kasar
Hari Bekerja	Hari (selain daripada Sabtu, Ahad dan cuti umum) bilamana Institusi Kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur
Institusi Kewangan	Bank berlesen, bank pelaburan berlesen, penanggung insurans berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam berlesen, pengendali takaful berlesen dan pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan dibawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan entiti yang disenaraikan di dalam Bahagian 1 Jadual 4 CMSA
Penerbit	Kerajaan Malaysia
JomPAY	Platform pembayaran digital yang dikendalikan oleh PayNet
Pek Maklumat	Pek Maklumat Sukuk Prihatin bertarikh 18 Ogos 2020
Tarikh Matang	Tarikh bilamana Penerbit perlu membayar Nilai Nominal kepada Pemegang Sukuk
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
Nilai Nominal	Amaun Prinsipal pada tarikh terbitan Sukuk Prihatin
Penawaran	Penawaran oleh Kerajaan untuk menjana sehingga RM500 juta dalam nilai nominal dengan terbitan Sukuk Prihatin
Paynet	Payments Network Malaysia Sdn Bhd, pengendali JomPAY dan DuitNow

## Terma /Singkatan

Terma / Singkatan	Tafsiran
DBs	Bank Agihan
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, termasuk peraturan, perintah dan perundangan yang dibuat dalam akta ini
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
PDB	Bank Agihan Utama
Amaun Bayaran Keuntungan	Amaun keuntungan yang perlu dibayar pada tarikh bayaran perlu dibuat
Kekerapan Bayaran Keuntungan	Kekerapan bayaran keuntungan dibuat kepada Pemegang Sukuk
Kadar Keuntungan	Amaun keuntungan perlu dibayar setiap tahun
Ruj	Ruang rujukan dalam platform bayaran JomPAY dan DuitNow
Sukuk	Suatu sijil perakuan pemilikan atau pelaburan ke atas sesuatu aset menggunakan prinsip dan konsep Syariah
Pemegang Sukuk	Pemegang Sukuk Prihatin
Tempoh matang	Tempoh hayat Sukuk Prihatin

# Isi Kandungan

Bahagian	Kandungan	Muka Surat
Tarikh Penting		8
Bahagian 1	Mengenai PENJANA	9 - 10
Bahagian 2	Sukuk Prihatin	11 - 13
Bahagian 3	Cara-Cara Untuk Memohon	14 - 18
Lampiran		
Lampiran I	Senarai Bank Agihan, Had Transaksi dan Saluran Yang Tersedia	20 - 25
Lampiran II	Contoh e-penyata	26 - 30
Lampiran III	Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin	31 - 44
Lampiran IV	Terma & Syarat Sukuk Prihatin	Seperti lampiran

# Tarikh Penting

## Tarikh Penting bagi Penawaran

Tarikh Pembukaan Penawaran Sukuk Prihatin (“Tarikh Pembukaan”)	18 Ogos 2020
Tarikh Tutup Penawaran Sukuk Prihatin (“Tarikh Tutup”)	17 September 2020
Peruntukan Penawaran Sukuk Prihatin	18 Ogos - 17 September 2020
Terbitan Sukuk Prihatin	22 September 2020

## Tarikh Penting Lain bagi Sukuk Prihatin

Tarikh Bayaran Keuntungan Pertama	22 Disember 2020
Tempoh Perubahan (untuk tujuan penepian amaun Prinsipal)	22 Jun - 5 Ogos 2022
Tarikh Matang / Tarikh Bayaran Amaun Prinsipal	22 September 2022

### Nota:

Tarikh-tarikh penting bagi Tawaran di atas hanyalah indikatif dan boleh dipinda terlebih dahulu tanpa notis. Penerbit boleh membuat pindaan tarikh sekiranya perlu. Jika terdapat sebarang perubahan, tarikh proses berikutnya turut berubah.



BAHAGIAN 1

# MENGENAI PENJANA



**Sukuk Prihatin**

Bersama Memacu Masa Depan Negara  
#KitaUntukKita

# PENJANA & Inisiatifnya

## PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) & INISIATIF-INISIATIFNYA

Kini kita sedang melalui suatu tempoh yang belum pernah kita hadapi sebelum ini akibat daripada pandemik global COVID-19. Dalam menghadapi krisis yang sedang berterusan ini dan juga menyedari cabaran yang dihadapi oleh rakyat, perniagaan dan ekonomi secara keseluruhannya, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah segera dan proaktif untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan serta memperkukuhkan ekonomi negara.

Kerajaan telah menerajui negara dalam menangani keadaan yang mencabar ini dengan memberikan segala tumpuan kepada strategi 6R: Ketegasan (Resolve); Ketahanan (Resilience); Menjana Semula (Restart); Pemulihan (Recovery); Memperkasa (Revitalise); dan Menyusun Semula (Reform).

Kini kita telah berada dalam fasa keempat strategi ini, Pemulihan (Recovery), yang mana perlaksanaannya akan di lakukan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 5 Jun 2020.

PENJANA menggariskan pelan pemulihan jangka pendek, berdasarkan sesi libat urus dengan penglibatan lebih dari 100 pihak berkepentingan yang terdiri daripada sektor-sektor awam dan juga swasta. Secara kolektif, sebanyak 40 inisiatif yang bernilai lebih RM35 billion telah dirangka bagi memenuhi empat (4) matlamat utama:-

- i. Membolehkan Pekerjaan & Mengurangkan Pengangguran;
- ii. Memastikan Kemampuan & Menyediakan Kecairan;
- iii. Pendigitalan & Pengendalian dalam Kebiasaan Baharu; dan
- iv. Meningkatkan Keyakinan Pengguna & Pelabur

Pelaksanaan PENJANA ini akan seterusnya berpandukan kepada empat (4) prinsip utama:

### (I) Ketangkasan & Dinamik

Inisiatif -inisiatif di bawah PENJANA akan terus diperhalusi berdasarkan keutamaan dan keperluan

### (II) Kerjasama Sektor Awam-Swasta

Kerjasama sektor awam-swasta yang terselaras, bukan hanya terhad kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan atau Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan

### (III) Komunikasi & Jangkauan Menyeluruh

Ketelusan dan keterbukaan dalam menghebahkan segala inisiatif serta hasilnya

### (IV) Pendekatan Berpandukan Data

Setiap inisiatif dipantau bagi membolehkan langkah-langkah diperhalusi dengan cepat mengikut keperluan dan bagi memastikan bantuan sampai terus kepada penerima manfaat yang disasarkan dengan cepat dan tepat. Data-data daripada 53 kementerian dan agensi dikumpul, dianalisis dan dikongsi dengan agensi-agensinya pelaksana bagi tujuan penambahbaikan berterusan melalui unit LAKSANA, iaitu Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan Rangsangan Ekonomi Antara Agensi Nasional di bawah Kementerian Kewangan.

Bagi memastikan ketelusan dan keterbukaan, laporan status pelaksanaan langkah-langkah ini dikongsikan setiap minggu oleh Kementerian Kewangan. Kerajaan juga menyedari bahawa keberkesanan dan hasil positif langkah-langkah yang diambil kepada penerima manfaat yang disasarkan ini yang akan menjadi penentu kepada kejayaan program PENJANA.

BAHAGIAN 2

# SUKUK PRIHATIN



Bersama Memacu Masa Depan Negara  
#KitaUntukKita

---

## Objektif Sukuk Prihatin

---

Sukuk Prihatin merupakan salah satu medium untuk Rakyat bersatu-padu dan bersama-sama menyokong pelan pemulihan ekonomi negara melalui instrumen sekuriti patuh Syariah yang diterbitkan oleh Kerajaan.

Bertemakan ‘Bersama Memacu Masa Depan Negara’ dan #KitaUntukKita, Sukuk Prihatin mendukung semangat nasionalisme dan patriotisme bagi menyatukan rakyat Malaysia untuk turut serta dalam membina semula ekonomi negara dalam menangani krisis COVID-19.

Kerajaan bercadang untuk memperoleh sehingga RM500 juta daripada terbitan Sukuk Prihatin. Sukuk ini boleh dilanggan di saluran perbankan digital (internet/mudah alih) di semua Bank Agihan melalui aplikasi JomPAY atau DuitNow. Terimaan Sukuk ini akan disalurkan ke Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan bagi menangani krisis COVID-19.

Semua keuntungan daripada Sukuk Prihatin akan mendapat pengecualian cukai dan setiap amaun Prinsipal yang diketepikan (sebahagian/sepenuhnya) oleh Pemegang Sukuk sebagai sumbangan kepada Kerajaan pada tarikh matang, dibenarkan sebagai potongan cukai bagi tahun taksiran di mana penebusan Sukuk Prihatin dibuat. Layanan cukai ini hanya terpakai kepada Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja dan tidak terpakai kepada semua Institusi Kewangan dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 serta Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon /Pembeli yang Layak.

Amaun Prinsipal yang diketepikan akan disumbangkan kepada akaun amanah Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan (“Akaun Amanah Kerajaan”)

---

## 2.1 Manfaat Utama Sukuk Prihatin

---

Manfaat utama Sukuk Prihatin adalah seperti berikut:

- Bayaran keuntungan dan bayaran Prinsipal di bawah Sukuk Prihatin ini adalah komitmen langsung Kerajaan sebagai penerbit
- Memberi peluang kepada pelabur mempelbagaikan portfolio pelaburan
- Amaun bayaran keuntungan berkadar tetap dibayar secara sukuan tahunan
- Sukuk Prihatin adalah pelaburan patuh Syariah
- Layanan cukai terpakai kepada Pemegang Sukuk yang layak

## 2.2 Ringkasan Terma Sukuk Prihatin

Terma dan syarat Sukuk Prihatin yang lengkap juga boleh didapati di laman sesawang PENJANA dan Bank Agihan. Terma dan syarat utama Sukuk Prihatin dapat diringkaskan seperti berikut:

Terma	Sukuk Prihatin
Penerbit	Kerajaan Malaysia (“Kerajaan”)
Instrumen	Sukuk Prihatin (Tanpa sijil).
Kegunaan Terimaan	Terimaan daripada Sukuk Prihatin akan disalurkan kepada Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai langkah-langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pemulihan pasca pandemik COVID-19
Saiz Sukuk	Sehingga RM500 juta dalam nilai nominal
Tempoh Langgan	Dari 18 Ogos sehingga 17 September 2020.
Tarikh Terbitan	22 September 2020
Prinsip Islamik	Komoditi Murabahah (melalui Tawarruq)
Tempoh / Tarikh Matang	Sukuk Prihatin akan bertempoh matang 2 tahun dan akan matang pada 22 September 2022.
Pelabur Sasaran	Rakyat Malaysia dan Syarikat Korporat yang layak.
Kadar Keuntungan kepada Pelabur	2.0% setahun (tetap sepanjang tempoh matang).
Kekerapan Bayaran Keuntungan kepada Pelabur	Suku tahunan dari Tarikh Terbitan. Bayaran keuntungan akan dikreditkan secara terus ke dalam akaun Pemegang Sukuk oleh Bank Agihan Utama.
Amaun Langgan Minimum dan Maksimum	Setiap permohonan/langganan (permulaan ataupun berikutnya) mestilah sekurang-kurangnya dalam nilai minimum RM500 dan gandaan RM100. Tidak terdapat had langganan maksimum bagi Sukuk Prihatin.
Penebusan	Amaun Prinsipal akan dikreditkan secara terus ke dalam akaun Pemegang Sukuk pada tarikh matang oleh Bank Agihan Utama.
Kebolehpindahan & Serah Hak	Sukuk Prihatin adalah tidak boleh diniaga, dipindah milik dan diserahkan.
Pilihan untuk Mengetepikan Amaun Prinsipal Pada Tarikh Matang sebagai Sumbangan kepada Kerajaan	Pemegang Sukuk berhak untuk mengetepikan amaun Prinsipal (sebahagian ataupun sepenuhnya) pada tarikh matang, sebagai sumbangan kepada mana-mana akaun amanah Kerajaan yang diluluskan Kerajaan (“Akaun Amanah Kerajaan”).
Layanan Cukai yang Diberikan kepada Pemegang Sukuk	<p>(a) Semua keuntungan Sukuk Prihatin akan dikecualikan cukai</p> <p>(b) Bagi amaun Prinsipal yang diketepikan (sebahagian atau sepenuhnya) oleh Pemegang Sukuk pada tarikh matang, amaun yang diketepikan dibenarkan untuk potongan cukai bagi tahun taksiran dimana penebusan Sukuk Prihatin dibuat</p> <p>Layanan cukai di atas hanya terpakai untuk Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja dan tidak terpakai kepada semua Institusi Kewangan dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon /Pembeli yang Layak.</p>
Bank Agihan Utama	Malayan Banking Berhad (“Maybank”)
Bank Agihan	Bank-bank yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan di sini
Saluran Agihan	Penawaran adalah secara digital sepenuhnya melalui perbankan internet/mudah alih melalui platform JomPAY/ DuitNow di Bank Agihan
Perundangan	Undang-undang Malaysia

BAHAGIAN 3


# CARA-CARA UNTUK MEMOHON



**Sukuk Prihatin**

Bersama Memacu Masa Depan Negara  
#KitaUntukKita

## 3.1 Carta Aliran Proses Sukuk Prihatin



### Nota

- Perubahan alamat e-mel dan nombor akaun boleh dibuat selepas tarikh tutup penawaran melalui e-mel atau dengan membuat panggilan ke Bank Agihan anda.
- Perubahan kepada amaun Prinsipal yang hendak diketepikan boleh dibuat dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke 21 melalui e-mel atau dengan membuat panggilan ke Bank Agihan anda.
- Sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan anda untuk langkah-langkah yang lebih terperinci

## 3.2 Cara-cara untuk Memohon Sukuk Prihatin

### Dapatkan Maklumat bagi Sukuk Prihatin

Dapatkan maklumat mengenai Sukuk Prihatin daripada laman sesawang PENJANA ([penjana.treasury.gov.my](http://penjana.treasury.gov.my)) dan laman sesawang Bank Agihan masing-masing

### Baca Pek Maklumat

Sebelum memohon Sukuk Prihatin, sila baca Terma & Syarat serta Pek Maklumat dengan teliti.

### Mohon melalui Perbankan Internet

#### Mohon melalui JomPAY

Langkah-langkah penting untuk memohon Sukuk Prihatin melalui platform perbankan internet digariskan seperti berikut:

- Anda mesti mempunyai akaun dengan akses Perbankan Internet dengan mana-mana Bank Agihan yang dibenarkan. (Rujuk Lampiran untuk Senarai Bank Agihan)
- Ikut arahan sepertimana diperlukan dalam portal Perbankan Internet Bank Agihan masing-masing untuk permohonan Sukuk Prihatin. Anda mesti mempunyai butiran berikut:
  - i. Kod Pengebil
  - ii. Nombor untuk Dihubungi (Contoh : 01xxxxxxx. Tanpa jarak)
  - iii. Alamat E-mel (Wajib)
  - v. Amaun yang perlu dibayar bagi unit yang dipohon dan yang akan ditolak daripada akaun semasa/simpanan

Rujuk kepada muka surat 18 untuk butiran lanjut

- Sila periksa amaun yang dipohon adalah dalam gandaan RM100 dan minimum RM500 untuk setiap permohonan sebelum melengkapkan transaksi.
- Cetak Skrin Pengesahan untuk rujukan dan simpanan

#### Mohon melalui DuitNow

Langkah-langkah penting untuk memohon Sukuk Prihatin melalui platform perbankan internet digariskan seperti berikut:

- Anda mesti mempunyai akaun dengan akses Perbankan Internet dengan mana-mana Bank Agihan yang dibenarkan. (Rujuk Lampiran untuk Senarai Bank Agihan)
- Ikut arahan sepertimana diperlukan dalam portal Perbankan Internet Bank Agihan masing-masing untuk permohonan Sukuk Prihatin. Anda mesti mempunyai butiran berikut:
  - i. Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)
  - ii. Nombor untuk Dihubungi (Contoh : 01xxxxxxx. Tanpa jarak)
  - iii. Alamat E-mel (Wajib)
  - IV. Amaun yang perlu dibayar bagi unit yang dipohon dan yang akan ditolak daripada akaun semasa/simpanan

Rujuk kepada muka surat 18 untuk butiran lanjut

- Sila periksa amaun yang dipohon adalah dalam gandaan RM100 dan minimum RM500 untuk setiap permohonan sebelum melengkapkan transaksi.
- Cetak Skrin Pengesahan untuk rujukan dan simpanan

### Pemberitahuan Status Permohonan

- Pemohon yang berjaya dan tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin.
- Bagi permohonan yang tidak berjaya, amaun bayaran balik akan dikredit secara automatik ke akaun anda dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan Sukuk Prihatin.



### 3.3 Panduan Terperinci tentang Proses Permohonan

Langganan boleh dibuat secara digital melalui saluran perbankan internet Bank Agihan masing-masing menerusi platform pembayaran JomPAY (**tidak tersedia di ATM**) atau DuitNow. Sebelum membuat permohonan bagi Sukuk Prihatin sila baca Pek Maklumat dengan teliti.



Pelabur

Anda telah membaca Pek Maklumat dan ingin melabur?



Adakah anda mahu menyumbang amaun Prinsipal anda?

Adakah anda mahu menyumbang amaun Prinsipal anda?

Ya

Tidak

Ya

Tidak

Pilih Kod Pengebil:  
14076

Pilih Kod Pengebil:  
28670

Taip BRN:  
SUKUKP20SUM

Taip BRN:  
SUKUKP20PEL

## 3.4 Panduan Terperinci Proses Permohonan

Pembelian boleh dibuat secara digital melalui e-saluran mana-mana Bank Agihan menerusi platform pembayaran JomPAY atau DuitNow. Sila rujuk kepada Lampiran I Pek Maklumat untuk butiran lanjut platform Bank Agihan yang tersedia, had transaksi serta caj-caj yang dikenakan.



Langkah 1	Pemohon perlu memasukkan jenis ID sebagai Kod Pengebil bagi permohonan. Pilih salah satu daripada yang berikut:-  Kod Pengebil 1: 28670 untuk Sukuk Prihatin Pelaburan (bagi Pemohon yang ingin melabur amaun Prinsipal); atau Kod Pengebil 2: 14076 untuk Sukuk Prihatin Sumbangan (bagi Pemohon yang ingin menyumbang amaun Prinsipal)
Langkah 2	Sila masukkan maklumat berikut: Ruj 1: Nombor untuk Dihubungi Ruj 2: Alamat E-mel (Wajib). Sila pastikan anda memasukkan alamat e-mel yang betul untuk menerima pemberitahuan dan penyata bulanan Sukuk Prihatin (bagi tujuan tuntutan cukai).
Langkah 3	Masukkan amaun (minimum RM500 bagi setiap permohonan dan gandaan RM100)
Langkah 4	Klik Bayar
Langkah 5	Pemohon perlu cetak slip pengesahan transaksi dan simpan nombor rujukan bagi tujuan rekod



Langkah 1	Pemohon perlu memasukkan jenis ID sebagai Nombor Pendaftaran Perniagaan (“BRN”) bagi permohonan. Pilih salah satu daripada yang berikut:-  BRN 1: SUKUKP20PEL untuk Sukuk Prihatin Pelaburan (bagi Pemohon yang ingin melabur amaun Prinsipal); atau BRN 2: SUKUKP20SUM untuk Sukuk Prihatin Sumbangan (bagi Pemohon yang ingin menyumbang amaun Prinsipal)
Langkah 2	Sila masukkan maklumat berikut: Ruj 1: Nombor untuk Dihubungi Ruj 2: Alamat E-mel (Wajib). Sila pastikan anda memasukkan alamat e-mel yang betul untuk menerima pemberitahuan dan penyata bulanan Sukuk Prihatin (bagi tujuan tuntutan cukai).
Langkah 3	Masukkan amaun (minimum RM500 bagi setiap permohonan dan dalam gandaan RM100)
Langkah 4	Pilih tarikh semasa sebagai tarikh kuat kuasa pelaburan
Langkah 5	Klik Bayar
Langkah 6	Pemohon perlu cetak slip pengesahan transaksi dan simpan nombor rujukan bagi tujuan rekod

- Nota:**
- Sebarang permohonan yang dibuat selepas 5 petang, adalah dianggap berkuat kuasa hanya pada hari berikutnya. Keuntungan akan dikira dari tarikh terbitan Sukuk Prihatin
  - Bagi pemohon korporat, sila gunakan alamat e-mel sama yang didaftarkan/direkodkan dalam e-saluran masing-masing (ini akan dianggap sebagai alamat e-mel dibenarkan dan rasmi)

# LAMPIRAN



Bersama Memacu Masa Depan Negara  
#KitaUntukKita

# LAMPIRAN I

## SENARAI BANK AGIHAN, HAD TRANSAKSI DAN SALURAN YANG TERSEDIA

# Senarai Bank Agihan bagi JomPAY Melalui Saluran Perbankan Internet/ Mudah Alih

## Kod Pengebil

**Kod Pengebil 28670** untuk Sukuk Prihatin Pelaburan - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau **Kod Pengebil 14076** untuk Sukuk Prihatin Sumbangan - Bagi Pemohon yang ingin menyetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang

Senarai Bank Agihan	Runcit				Korporat			
	Saluran		Had Transaksi		Saluran		Had Transaksi	
	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)
Affin Bank Berhad	Affin Bank Berhad hanya menawarkan langganan melalui DuitNow sahaja.							
Agrobank	✓	✓		50,000	✓	X		500,000
Alliance Bank Malaysia Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	✓	1,000,000	Tiada Had (tertakluk kepada pengaturan syarikat)
Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000 (Tertakluk kepada had bersama IBG)	50,000	✓	X	500,000	Mengikut had pelanggan
AmBank (M) Berhad	✓	✓		50,000	✓	✓	1,000,000	Terhad (tertakluk kepada aliran kerja korporat)
Bank Islam Malaysia Berhad	✓	✓	Mengikut Had Transaksi Semasa	100,000	✓	X		Tiada Had (tertakluk kepada pengaturan syarikat)
Bank Muamalat Malaysia Berhad	✓	✓	Mengikut Had Transaksi Semasa	Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	1,000,000 (tertakluk kepada pengaturan syarikat)	Tiada Had
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	✓	X	50,000	50,000	✓	X	1,000,000	Tiada Had
Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	X	1,000,000	Tiada Had
Bank Simpanan Nasional	✓	X		Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	1,000,000	Tiada Had
BNP Paribas Malaysia Berhad	BNP Paribas hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	1,000,000	Tiada Had
CIMB Bank Berhad	✓	X	50,000	50,000	✓	X	1,000,000	1,000,000
Citibank Berhad	✓			50,000	Citibank Berhad hanya menawarkan langganan Runcit sahaja.			
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	Deutsche Bank hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	1,000,000	Tiada Had
Hong Leong Bank Berhad	Hong Leong Bank Berhad hanya menawarkan langganan melalui DuitNow sahaja.							
HSBC Bank Malaysia Berhad	✓	X			✓	X		
Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	X	1,000,000	5,000,000

# Senarai Bank Agihan bagi JomPAY Melalui Saluran Perbankan Internet/ Mudah Alih

## Kod Pengebil

**Kod Pengebil 28670** untuk Sukuk Prihatin Pelaburan - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau **Kod Pengebil 14076** untuk Sukuk Prihatin Sumbangan - Bagi Pemohon yang ingin mengetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang

Senarai Bank Agihan	Runcit				Korporat			
	Saluran		Had Transaksi		Saluran		Had Transaksi	
	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)
Malayan Banking Berhad	✓	✓		Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	1,000,000	
MBSB Bank Berhad	✓	✓		Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	1,000,000	
MUFG Bank (Malaysia) Berhad	MUFG Berhad hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	1,000,000	Tiada Had
Mizuho Bank (Malaysia) Berhad	Mizuho Bank (Malaysia) Berhad hanya menawarkan langganan melalui DuitNow sahaja.							
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	✓	✓	Mengikut Had Kod Pengebilan Semasa		✓	✓	1,000,000	
Public Bank Berhad	✓	✓	JomPAY (Kod Pengebil bukan kegemaran) (i) RM10,000 setiap transaksi bagi pengguna PAC  (ii) RM1,000,000 setiap transaksi bagi pengguna Secure Sign token  JomPAY (Kod Pengebil kegemaran) RM1,000,000 setiap transaksi	PBe Perbankan Peribadi:  RM 1,000,000 had harian  PBe MY: RM100,000 had harian	✓	X	PBe Perbankan Perniagaan dan PB Enterprise:  RM1,000,000 setiap transaksi	PBe Perbankan Perniagaan dan PB Enterprise:  RM1,000,000 had harian
RHB Bank Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	✓ (untuk kebenaran sahaja)	1,000,000	Tiada Had
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	X	1,000,000	Tiada Had
Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad	Sumitomo Mitsui Bank hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	1,000,000	Tiada Had
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	✓	✓		50,000	✓	✓	1,000,000	

# Senarai Bank Agihan bagi DuitNow Melalui Saluran Perbankan Internet/ Mudah Alih

## Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)

**BRN: SUKUKP2OPEL** untuk Sukuk Prihatin Pelaburan - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau **BRN SUKUKP2OSUM** untuk Sukuk Prihatin Sumbangan - Bagi Pemohon yang ingin menyetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang

*\*Sila rujuk kepada laman web Bank Agihan masing-masing berhubung caj transaksi DuitNow*

Senarai Bank Agihan	Runcit				Korporat			
	Saluran		Had Transaksi		Saluran		Had Transaksi	
	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)
Affin Bank Berhad	✓	X	50,000	50,000	✓	X	10,000,000	Mengikut Had Pelanggan
Agrobank	✓	✓		30,000	✓			500,000
Alliance Bank Malaysia Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	✓	10,000,000	Mengikut Had Pelanggan
Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000 (Had perkongsian bersama perbankan internet/ mudah alih)	Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	10,000,000	
AmBank (M) Berhad	✓	✓		50,000	✓	✓	10,000,000	Terhad (tertakluk kepada aliran kerja korporat)
Bank Islam Malaysia Berhad	✓	✓	Mengikut Had Transaksi Semasa	50,000	Bank Islam hanya menawarkan langganan Runcit sahaja.			
Bank Muamalat Malaysia Berhad	✓	✓	Mengikut Had Harian Semasa	Mengikut Had Harian Semasa	✓	X	10,000,000 (tertakluk kepada aliran kerja korporat)	Tiada had
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	✓	X	50,000	50,000	Bank Rakyat hanya menawarkan langganan Runcit sahaja.			
Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	X	10,000,000	Tiada had
Bank Simpanan Nasional	Bank Simpanan Nasional hanya menawarkan langganan melalui JomPAY sahaja.							

# Senarai Bank Agihan bagi DuitNow Melalui Saluran Perbankan Internet/ Mudah Alih

## Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)

**BRN: SUKUKP2OPEL** untuk Sukuk Prihatin Pelaburan - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau **BRN SUKUKP2OSUM** untuk Sukuk Prihatin Sumbangan - Bagi Pemohon yang ingin mengetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang

*\*Sila rujuk kepada laman web Bank Agihan masing-masing berhubung caj transaksi DuitNow*

Senarai Bank Agihan	Runcit				Korporat			
	Saluran		Had Transaksi		Saluran		Had Transaksi	
	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)
BNP Paribas Malaysia Berhad	BNP Paribas hanya menawarkan langganan Korporat melalui JomPAY sahaja.							
CIMB Bank Berhad	✓	X	50,000	50,000	CIMB Bank hanya menawarkan langganan Runcit sahaja			
Citibank Berhad	✓			50,000	Citibank Berhad hanya menawarkan langganan Runcit sahaja.			
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	Deutsche Bank hanya menawarkan langganan Korporat melalui JomPAY sahaja.							
Hong Leong Bank Berhad	✓	✓	DuitNow kepada proxy RM50,000 (Had perkongsian bersama IBG, DuitNow kepada akaun, bayaran QR dan bayaran pihak ketiga HLB) Nota: Had perkongsian dengan perbankan internet/ mudah alih)	Mengikuti Had Harian Semasa	✓	X	10,000,000	Mengikuti Had Harian Semasa Korporat
HSBC Bank Malaysia Berhad	✓	X			✓	X		
Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	X	10,000,000	10,000,000
Malayan Banking Berhad	✓	✓		Mengikuti Had Harian Semasa	✓	X	10,000,000	
MBSB Bank Berhad	✓	✓		Mengikuti Had Harian Semasa	✓	X	1,000,000	
Mizuho Bank (Malaysia) Berhad	Mizuho Bank hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	10,000,000	Tiada Had
MUFG Bank (Malaysia) Berhad	MUFG Berhad hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	X	10,000,000	Tiada Had
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	OCBC Bank hanya menawarkan langganan Korporat sahaja.				✓	✓	10,000,000	



# Senarai Bank Agihan bagi DuitNow Melalui Saluran Perbankan Internet/ Mudah Alih

## Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN)

**BRN: SUKUKP2OPEL** untuk Sukuk Prihatin Pelaburan - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau **BRN SUKUKP2OSUM** untuk Sukuk Prihatin Sumbangan - Bagi Pemohon yang ingin menyetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang

\*Sila rujuk kepada laman web Bank Agihan masing-masing berhubung caj transaksi DuitNow

Senarai Bank Agihan	Runcit				Korporat			
	Saluran		Had Transaksi		Saluran		Had Transaksi	
	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)	Perbankan Internet	Perbankan Mudah Alih	Had Setiap Transaksi (RM)	Had Transaksi Harian (RM)
Public Bank Berhad	✓	✓	<u>PBe Retail</u> RM10,000 setiap transaksi bagi pengguna PAC RM50,000 setiap transaksi bagi pengguna SecureSign token  <u>PB engage MY</u> (i) DuitNow kepada bukan penerima kegemaran: RM 5,000 setiap transaksi untuk telefon Android and iOS (ii) DuitNow kepada penerima kegemaran: RM 10,000 setiap transaksi	<u>PBe Retail</u> RM 20,000 setiap hari bagi pengguna PAC RM 50,000 setiap hari bagi pengguna SecureSign token  <u>PB engage MY</u> (i) DuitNow kepada bukan penerima kegemaran: RM 5,000 setiap hari untuk telefon Android and iOS (ii) DuitNow kepada penerima kegemaran: RM 20,000 setiap hari	✓	X	<u>PBe Business Banking</u> RM 100,000 setiap transaksi  <u>PB enterprise</u> RM10,000,000 setiap transaksi	<u>PBe Business Banking</u> RM 100,000 setiap hari  <u>PB enterprise</u> RM10,000,000 setiap hari
RHB Bank Berhad	✓	✓	50,000	50,000	✓	(kebenaran sahaja)	10,000,000	Tiada Had
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	Standard Chartered hanya menawarkan langganan melalui JomPAY sahaja.							
Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad	Sumitomo Mitsui Banking hanya menawarkan langganan Korporat melalui JomPAY sahaja.							
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	UOB hanya menawarkan langganan melalui JomPAY sahaja.							

## LAMPIRAN II

### CONTOH e-PENYATA

# 1. e-Penyata Pembelian Sukuk Prihatin



## E- Statement

We hereby certify the following subscription has been successfully registered as per the notice below:

Name
Address

Serial Number	No [**]
Statement Date	DD/MM/YYYY
Sukukholders' Holding	RM[**]
Total Waiver	RM[**]

Type	Sukukholders' Holding	Round Down Refund	Refund Date
Sukuk Prihatin Subscription	RM[**]	RM[**]	DD/MM/YYYY

### Other Terms

**Payment Account:** Profit payments will be credited directly by the Primary Distribution Bank on quarterly basis into the bank account of the Sukukholders of the Sukuk Prihatin which funds were debited from for the subscription of the Sukuk Prihatin.

**Changes of email address/ bank account details:** Changes to the bank account number (from the same Distribution Banks) and email address can be made by contacting the respective Distribution Banks (please refer to the respective Distribution Banks' websites for further information) where request for such changes can be made within forty-five (45) calendar days from the closing of the offering date of the Sukuk Prihatin (the "Period").

**Principal Waiver:** The Sukukholders are allowed to alter the principal amount they choose to waive at maturity that may have been decided upfront during the application stage. Notwithstanding, the alteration can only be made during the last quarter prior to the maturity date ("Alteration Period"). For any alteration, the Sukukholders can contact their respective Distribution Banks (please refer to respective Distribution Banks' websites for further information) within forty-five (45) calendar days of the said 21<sup>st</sup> monthly e-statement date to make any changes to the waiver status of the principal amount which shall thereafter be communicated to the Primary Distribution Bank for the database to be updated accordingly.

*This is a computer generated letter. No signature required.*

## 2. e-Penyata Bulanan & Keuntungan Sukuk Prihatin



### E- Statement

We hereby certify the following information as per the notice below:

Name Address
-----------------

Serial Number	No [**]
Statement Date	[Last date of the month] 30 <sup>th</sup> of Each Month
Sukukholders' Holding	RM[**]
Total Waiver	RM[**]

Type	Sukukholders' Holding	Profit Amount
Sukuk Prihatin Monthly Statement	RM[**]	[will be null/blank]

#### Other Terms

**Payment Account:** Profit payments will be credited directly by the Primary Distribution Bank on quarterly basis into the bank account of the Sukukholders of the Sukuk Prihatin which funds were debited from for the subscription of the Sukuk Prihatin.

**Changes of email address/ bank account details:** Changes to the bank account number (from the same Distribution Banks) and email address can be made by contacting the respective Distribution Banks (please refer to the respective Distribution Banks' websites for further information) where request for such changes can be made within forty-five (45) calendar days from the closing of the offering date of the Sukuk Prihatin (the "Period").

**Principal Waiver:** The Sukukholders are allowed to alter the principal amount they choose to waive at maturity that may have been decided upfront during the application stage. Notwithstanding, the alteration can only be made during the last quarter prior to the maturity date ("Alteration Period"). For any alteration, the Sukukholders can contact their respective Distribution Banks (please refer to respective Distribution Banks' websites for further information) within forty-five (45) calendar days of the said 21<sup>st</sup> monthly e-statement date to make any changes to the waiver status of the principal amount which shall thereafter be communicated to the Primary Distribution Bank for the database to be updated accordingly.

*This is a computer generated letter. No signature required.*

### 3. e-Penyata Suku Tahunan & Keuntungan Sukuk Prihatin



#### E- Statement

We hereby certify the following profit payment has been paid by us as per the notice below:

Name Address	Serial Number	No [**]
	Profit Period	[Last date of the quarter] 30 <sup>th</sup> of Last Month of Quarter
	Sukukholders' Holding	RM[**]
	Total Waiver	RM[**]

Type	Sukukholders' Holding	Profit Payable for the Quarter
Sukuk Prihatin Profit Payment	RM[**]	RM[**]

#### Other Terms

**Payment Account:** Profit payments will be credited directly by the Primary Distribution Bank on quarterly basis into the bank account of the Sukukholders of the Sukuk Prihatin which funds were debited from for the subscription of the Sukuk Prihatin.

**Changes of email address/ bank account details:** Changes to the bank account number (from the same Distribution Banks) and email address can be made by contacting the respective Distribution Banks (please refer to the respective Distribution Banks' websites for further information) where request for such changes can be made within forty-five (45) calendar days from the closing of the offering date of the Sukuk Prihatin (the "Period").

**Principal Waiver:** The Sukukholders are allowed to alter the principal amount they choose to waive at maturity that may have been decided upfront during the application stage. Notwithstanding, the alteration can only be made during the last quarter prior to the maturity date ("Alteration Period"). For any alteration, the Sukukholders can contact their respective Distribution Banks (please refer to respective Distribution Banks' websites for further information) within forty-five (45) calendar days of the said 21<sup>st</sup> monthly e-statement date to make any changes to the waiver status of the principal amount which shall thereafter be communicated to the Primary Distribution Bank for the database to be updated accordingly.

*This is a computer generated letter. No signature required.*

## 4. e-Penyata Keuntungan Matang Sukuk Prihatin



### E- Statement

We hereby certify the following principal maturity and final profit payment has been paid by us and we have registered the donation amount (if applicable) as per the notice below:

Name Address
-----------------

Serial Number	No [**]
Statement Date	[Last date of the month] 30 <sup>th</sup> of Final Month Upon Maturity
Sukukholders' Holding	RM[**]

Type	Sukukholders' Holding	Final Profit Payable	Amount Waived
Sukuk Prihatin Maturity	RM[**]	RM[**]	RM[**]

### Other Terms

**Payment Account:** Profit payments will be credited directly by the Primary Distribution Bank on quarterly basis into the bank account of the Sukukholders of the Sukuk Prihatin which funds were debited from for the subscription of the Sukuk Prihatin.

**Changes of email address/ bank account details:** Changes to the bank account number (from the same Distribution Banks) and email address can be made by contacting the respective Distribution Banks (please refer to the respective Distribution Banks' websites for further information) where request for such changes can be made within forty-five (45) calendar days from the closing of the offering date of the Sukuk Prihatin (the "Period").

**Principal Waiver:** The Sukukholders are allowed to alter the principal amount they choose to waive at maturity that may have been decided upfront during the application stage. Notwithstanding, the alteration can only be made during the last quarter prior to the maturity date ("Alteration Period"). For any alteration, the Sukukholders can contact their respective Distribution Banks (please refer to respective Distribution Banks' websites for further information) within forty-five (45) calendar days of the said 21<sup>st</sup> monthly e-statement date to make any changes to the waiver status of the principal amount which shall thereafter be communicated to the Primary Distribution Bank for the database to be updated accordingly.

*This is a computer generated letter. No signature required.*

## LAMPIRAN III

# SOALAN LAZIM MENGENAI SUKUK PRIHATIN

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

### Am

1	Apa itu Sukuk Prihatin?	Sukuk Prihatin adalah Sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia (“Kerajaan”) yang ditawarkan kepada pelabur runcit dan korporat.
2	Apakah objektif Sukuk Prihatin?	Objektif Sukuk Prihatin adalah untuk menyatukan rakyat Malaysia dalam usaha Kerajaan untuk membina semula negara pasca krisis pandemik COVID-19.
3	Bilakah tarikh terbitan Sukuk Prihatin?	Sukuk Prihatin akan diterbitkan pada 22 September 2020.
4	Berapakah tempoh pemegangan Sukuk Prihatin?	Tempoh pemegangan Sukuk Prihatin adalah 2 tahun.
5	Untuk tujuan apakah terimaan terbitan Sukuk ini akan digunakan?	Terimaan daripada Sukuk Prihatin akan disalurkan kepada Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai langkah-langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan bagi menangani krisis COVID-19.
6	Apakah contoh-contoh inisiatif yang akan dibiayai oleh Sukuk Prihatin?	Contoh inisiatif adalah seperti yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan pasca COVID-19 termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut: -  1) Perbelanjaan kesihatan yang berkaitan dengan penyakit COVID-19; 2) Pembiayaan/geran kepada perusahaan mikro; dan 3) Meningkatkan kesalinghubungan sekolah di luar bandar, sekali gus berfungsi sebagai hab yang menghubungkan kampung berhampiran.
7	Berapakah saiz terbitan Sukuk Prihatin?	Sehingga RM500 juta dalam nilai nominal.
8	Berapakah kadar keuntungan Sukuk Prihatin?	Kadar keuntungan Sukuk Prihatin adalah 2% setahun.
9	Berapakah kekerapan bayaran keuntungan yang akan dibuat kepada Pemegang Sukuk Prihatin?	Bayaran keuntungan akan dibuat pada setiap sukuan tahunan.
10	Adakah kadar keuntungan Sukuk Prihatin akan berubah sepanjang tempoh pemegangan Sukuk?	Tidak, kadar keuntungan ditetapkan pada 2% sepanjang tempoh Sukuk Prihatin.
11	Adakah Sukuk Prihatin akan disenaraikan di Bursa Malaysia?	Tidak, Sukuk Prihatin tidak akan disenaraikan di Bursa Malaysia.



## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

**Am**

<p>12 Apakah layanan cukai yang diberikan kepada Pemegang Sukuk Prihatin?</p>	<p>(a) Berhubung keuntungan daripada Sukuk Prihatin: -</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Semua keuntungan daripada sukuk akan mendapat pengecualian cukai;</li><li>(ii) Pengecualian ini hanya terpakai untuk Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini dan tidak terpakai kepada:-<ul style="list-style-type: none"><li>1) Semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan</li><li>2) Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon/Pembeli yang Layak.</li></ul></li><li>(iii) Setiap Pemegang Sukuk perlu menyimpan e-penyata Sukuk Prihatin bagi tujuan pengecualian cukai.</li></ul> <p>(b) Berkenaan dengan penepian amaun Prinsipal Sukuk Prihatin:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Hanya terpakai untuk Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja seperti yang dinyatakan di dalam ini yang memilih untuk menyetepikan amaun Prinsipal (sebahagian/sepenuhnya) sebagai sumbangan kepada Kerajaan pada tarikh matang dan tidak terpakai kepada:-<ul style="list-style-type: none"><li>1) Semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan</li><li>2) Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon /Pembeli yang Layak.</li></ul></li><li>(ii) Amaun yang diketepikan dalam (b)(i) akan dibenarkan sebagai potongan cukai bagi tahun taksiran di mana penebusan Sukuk Prihatin dibuat.</li><li>(iii) Setiap Pemegang Sukuk perlu menyimpan rekod pengesahan permohonan penepian amaun Prinsipal sebagai bukti untuk tujuan potongan cukai.</li></ul>
<p>13 Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai terma dan syarat Sukuk Prihatin?</p>	<p>Sila rujuk kepada pek maklumat yang boleh didapati di laman sesawang Bank Agihan masing-masing Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat Sukuk Prihatin.</p>
<p>14 Siapakah yang sesuai untuk melabur/melanggan sukuk ini?</p>	<p>Memandangkan tempoh pemegangan sukuk yang singkat iaitu 2 tahun, instrument ini sesuai untuk pelabur yang ingin mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka dan selesa mengambil risiko jangka pendek dengan pulangan pelaburan minimum.</p>
<p>15 Sukuk Prihatin akan diterbitkan secara langsung oleh Kerajaan. Adakah ianya setara dengan simpanan tetap yang dijamin di bawah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?</p>	<p>PIDM menginsuranskan sehingga RM250,000 nilai prinsipal dan keuntungan untuk deposit dengan institusi kewangan berlesen. Bayaran keuntungan dan bayaran prinsipal di bawah Sukuk Prihatin ini adalah komitmen langsung Kerajaan sebagai Penerbit.</p>

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

Am

16	Adakah Sukuk Prihatin ini diterbitkan secara <i>one-off</i> oleh Kerajaan atau adakah terbitan Sukuk Prihatin akan diteruskan di masa akan datang?	Sukuk Prihatin ini hanya akan diterbitkan secara <i>one-off</i> oleh Kerajaan dengan tujuan khusus untuk menyatukan rakyat Malaysia dalam inisiatif pemulihan pasca pandemik.
17	Bilakah tempoh penawaran Sukuk Prihatin?	Sukuk Prihatin akan ditawarkan bermula 18 Ogos hingga 17 September 2020.
18	Apakah amaun maksimum atau minimum langganan Sukuk Prihatin?	<p>Setiap langganan/permohonan Sukuk Prihatin (permohonan awal atau sebarang langganan/permohonan berikutnya) hendaklah dengan nilai minimum RM500 dan gandaan RM100.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pakcik Wong berminat untuk melanggan berjumlah RM610. Walau bagaimanapun, disebabkan keperluan amaun dalam gandaan yang ditetapkan, beliau hanya boleh membuat permohonan sebanyak RM600. Jika dia meneruskan permohonan sebanyak RM610, RM10 akan dibayar balik ke dalam akaunnya dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan kerana dia tidak memenuhi keperluan amaun gandaan.</p> <p>Pada hari berikutnya, beliau mahu membuat tambahan langganan sebanyak RM400. Walau bagaimanapun, disebabkan amaun minimum yang diperlukan bagi setiap permohonan, beliau menyedari bahawa beliau perlu menambah amaun permohonan tersebut kepada jumlah minimum sebanyak RM500 sebelum meneruskan permohonan itu bagi mengelakkan permohonannya ditolak.</p>
19	Bagaimanakah kadar keuntungan akan ditentukan?	Kadar keuntungan adalah tetap seperti yang ditentukan oleh Kerajaan dan dinyatakan dalam terma dan syarat Sukuk Prihatin.
20	Apakah yang berlaku sekiranya Sukuk Prihatin terlebih langgan?	Penawaran Sukuk Prihatin adalah atas dasar <i>first come first serve</i> bagi saiz terbitan berjumlah RM500juta.
21	Adakah Sukuk Prihatin merupakan produk pelaburan patuh Syariah?	Ya. Sukuk Prihatin merupakan pelaburan patuh Syariah sebagaimana yang disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM.
22	Adakah Sukuk Prihatin ini boleh didagangkan (jual atau beli) di pasaran sekunder?	Tidak. Sukuk Prihatin tidak boleh diniaga, dipindah milik dan diserahkan hak. Mana-mana pelabur yang ingin membeli Sukuk Prihatin perlu memegang Sukuk tersebut sehingga tarikh matang.
23	Apakah prinsip asas Syariah yang mengawal selia terbitan Sukuk Prihatin?	<p>Sukuk Prihatin hendaklah diterbitkan berdasarkan prinsip Syariah Komoditi Murabahah (melalui Tawarruq).</p> <p>Menurut Perjanjian Agensi bagi transaksi Komoditi Murabahah, Pemohon Sukuk Prihatin Berjaya bersetuju melantik BNM untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak mereka untuk menjalankan transaksi Komoditi Murabahah dan hal-hal berkaitan belian dan jualan komoditi, yang berkaitan dengan terbitan Sukuk Prihatin. Komoditi yang digunakan mestilah komoditi patuh Syariah yang ditetapkan oleh BNM.</p> <p>Sila rujuk kepada Perjanjian Agensi bagi Transaksi Komoditi Murabahah Sukuk Prihatin (seperti di Lampiran I) berhubung terma dan syarat pelantikan BNM sebagai ejen bagi Pemegang Sukuk.</p>

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

**Am**

<p><b>24</b> Apakah perbezaan di antara pelaburan dalam Sukuk dengan pelaburan dalam saham syarikat?</p>	<p>Perbezaan utama adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Pemegang Sukuk pada asasnya merupakan pembiaya atau pemberi pinjam yang menyediakan dana kepada peminjam, sementara pelaburan dalam saham syarikat bermakna pelabur ekuiti merupakan pemegang saham syarikat.</li><li>(ii) Keuntungan bagi Pemegang Sukuk adalah pada kadar tetap yang dibayar secara berkala dikenali sebagai keuntungan (atau kupon bagi bon konvensional). Walau bagaimanapun, bagi pemegang saham, keuntungan adalah pembayaran dividen yang ditentukan berdasarkan prestasi syarikat dan dibayar mengikut budi bicara syarikat tersebut.</li></ul> <p>Pelaburan dalam Sukuk melibatkan tempoh matang yang ditetapkan, manakala pelaburan dalam saham tidak mempunyai tempoh matang.</p>
<p><b>25</b> Apakah perbezaan di antara Sukuk Prihatin dengan pelaburan runcit lain seperti unit amanah?</p>	<p>Unit saham mewakili himpunan pelaburan oleh sekumpulan pelabur yang melabur dalam pelbagai portfolio pelaburan termasuk bon/sukuk melalui pengurus dana. Bagi Sukuk Prihatin, pelabur runcit boleh terus melabur secara langsung dalam Sukuk ini.</p>

# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Permohonan

<p>1 Bolehkah saya membuat permohonan untuk pihak ketiga?</p>	<p>Kerajaan hanya membenarkan permohonan dibuat oleh pemegang amanah yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Syarikat Amanah Malaysia (“<b>Pemegang Amanah Berdaftar</b>”). Walau bagaimanapun, permohonan bagi pihak ketiga adalah tidak dibenarkan kerana dana langganan akan didebitkan secara terus daripada akaun Pemohon di Bank Agihan masing-masing di mana permohonan tersebut dibuat.</p> <p>Untuk mengelakkan keraguan, permohonan oleh Pemegang Amanah Berdaftar adalah hanya bagi pihak mana-mana Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja, sepertimana yang diperincikan di bawah klausa Pemohon/Pembeli yang Layak dalam terma dan syarat.</p>
<p>2 Adakah sijil fizikal akan dikemukakan apabila saya melanggan Sukuk Prihatin?</p>	<p>Tidak. Tiada sijil fizikal yang akan dikeluarkan bagi langganan Sukuk Prihatin.</p> <p>Permohonan oleh Pemohon untuk Sukuk Prihatin adalah sah apabila notis transaksi keseluruhan tertera di skrin sebaik sahaja pembayaran selesai. Salinan notis transaksi boleh dicetak daripada platform perbankan dalam talian Bank Agihan Pemohon masing-masing sebagai bukti permohonan dibuat untuk Sukuk Prihatin (“<b>Bukti Permohonan</b>”).</p> <p>Bukti Permohonan sahaja tidak bermaksud langganan Sukuk Prihatin telah berjaya. Pemohon hanya boleh dianggap sebagai Pemohon Sukuk Prihatin yang berjaya (“Pemohon Sukuk Prihatin yang Berjaya”) dan juga pemegang Sukuk Prihatin hanya setelah menerima Notis Langganan.</p> <p>Bukti Permohonan dan Notis Langganan hendaklah disimpan oleh Pemohon atau Pemohon Sukuk Prihatin Yang Berjaya (yang berkenaan) sebagai rekod pada setiap masa, untuk memudahkan sebarang proses tuntutan bayaran balik atau sebagai bukti langganan Sukuk Prihatin (yang berkenaan).</p> <p>Sebagai bukti pelaburan/pemilikan Sukuk Prihatin dan kelayakan Pemegang Sukuk terhadap bayaran keuntungan, setiap Pemegang Sukuk akan menerima e-penyata bulanan daripada Bank Agihan Utama melalui e-mel yang didaftarkan oleh Pemohon semasa permohonan. E-Penyata ini penting kepada Pemegang Sukuk Prihatin bagi tujuan tuntutan cukai (mempunyai nilai yang sama dengan baucar cukai).</p>
<p>3 Adakah terdapat sebarang talian khidmat pelanggan atau bantuan yang boleh saya hubungi untuk membantu saya dalam proses permohonan Sukuk Prihatin dan juga untuk menjawab sebarang pertanyaan saya sepanjang tempoh Sukuk ini?</p>	<p>Ya. Untuk sebarang pertanyaan tentang permohonan Sukuk Prihatin atau apa-apa pertanyaan/aduan lain sepanjang tempoh Sukuk, anda boleh hubungi Bank Agihan masing-masing. Sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut dan/atau panduan berhubung proses permohonan serta sebarang pertanyaan mengenai Sukuk Prihatin.</p> <p>Bagi pertanyaan/isu yang tidak dapat diselesaikan serta merta melalui talian panggilan/bantuan, Bank Agihan/Bank Agihan Utama mungkin memerlukan sehingga lima (5) hari bekerja untuk menjawab pertanyaan/isu yang diutarakan oleh Pemohon/Pemegang Sukuk.</p>

# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Permohonan

<p>4 Bilakah bayaran balik saya akan diterima sekiranya permohonan saya tidak berjaya atau ditolak disebabkan kesilapan?</p>	<p>Sebarang permohonan yang tidak memenuhi kriteria permohonan seperti kesilapan gandaan unit pelaburan/kesilapan maklumat permohonan, akan ditolak dan bayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun pemohon dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan dibuat.</p> <p>Semua Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin. Semua bayaran balik akan dibuat melalui pindahan GIRO oleh Bank Agihan Utama terus ke akaun Bank Agihan Pemohon.</p>
<p>5 Bolehkah saya membuat permohonan melalui Pemegang Amanah?</p>	<p>Ya. Walau bagaimanapun, hanya permohonan yang dibuat oleh Pemegang Amanah Berdaftar akan diterima bagi tujuan Sukuk Prihatin.</p> <p>Pelabur adalah dinasihatkan untuk membaca secara terperinci terma dan syarat (“<b>Langganan oleh Pemegang Amanah bagi pihak benefisiari kepada Sukuk Prihatin</b>”) <u>terhadap sebarang permohonan yang ingin dibuat melalui Pemegang Amanah Berdaftar bagi memastikan mereka memahami syarat-syarat yang tertakluk bagi permohonan seumpamanya sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.</u></p>
<p>6 Siapakah yang layak untuk memohon Sukuk Prihatin?</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Rakyat Malaysia yang berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh tutup penawaran; atau</li><li>2) Syarikat/firma yang diperbadankan di Malaysia (kecuali semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007); atau</li><li>3) Koperasi, yayasan, pemilik tunggal, perkongsian, persatuan atau badan-badan lain yang beroperasi di Malaysia; atau</li><li>4) Pemegang amanah yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Syarikat Amanah Malaysia (“<b>Pemegang Amanah Berdaftar</b>”), yang bertindak bagi pihak Pemohon/ Pembeli yang Layak dan tergolong dalam item (1), (2) dan (3) di atas.</li></ol> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>(a) Permohonan daripada orang yang berusia di bawah 18 tahun dan entiti selain daripada syarikat seperti di (2) dan (3) tidak akan diterima.</li><li>(b) Permohonan yang dibuat oleh Pemegang Amanah Berdaftar adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Lain.</li><li>(c) Sebarang permohonan untuk pihak ketiga oleh mana-mana pihak yang bukan Pemegang Amanah Berdaftar adalah tidak dibenarkan.</li></ol> <p>Walaupun apapun yang dinyatakan di atas, Kerajaan berdasarkan budi bicaranya boleh membenarkan mana-mana Institusi Kewangan yang diperbadankan di Malaysia sebagai Pemohon/Pembeli yang Layak untuk Sukuk Prihatin bagi menaja jamin apa-apa amaun yang dikehendaki bagi terbitan Sukuk Prihatin sekiranya perlu.</p> <p>Pemohon bertanggungjawab memastikan mereka tergolong dalam kriteria kelayakan sebelum membuat sebarang permohonan untuk melanggan Sukuk Prihatin. Sebarang permohonan yang tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti di atas akan ditolak dan bayaran balik akan dibuat oleh Bank Agihan Utama berdasarkan kepada peruntukan Pemberitahuan di bawah.</p>

# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Permohonan

<p>7 Adakah saya perlu mempunyai akaun bank dan akses perbankan internet untuk melanggan Sukuk Prihatin?</p>	<p>Ya. Pemohon hendaklah mempunyai akaun bank dan akses perbankan internet/mudah alih dengan mana-mana Bank Agihan yang mengambil bahagian dalam Sukuk Prihatin (sila rujuk senarai lengkap Bank Agihan yang mengambil bahagian seperti di Lampiran 1 Pek Maklumat)).</p> <p>Sukuk Prihatin <u>tidak</u> ditawarkan melalui kaunter atau di platform ATM. Sebarang permohonan yang dibuat melalui kaunter atau di platform ATM akan ditolak dan dibayar balik.</p> <p>Sesetengah Bank Agihan mungkin membataskan permohonan Sukuk Prihatin melalui saluran terpilih sahaja. Sila rujuk kepada maklumat yang disediakan dalam Pek Maklumat bagi memastikan permohonan dibuat melalui saluran yang dibenarkan oleh Bank Agihan masing-masing.</p>
<p>8 Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk akses perbankan internet?</p>	<p>Bagi pelabur yang pada masa ini tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan internet/mudah alih dengan mana-mana Bank Agihan, anda boleh pergi ke mana-mana cawangan Bank Agihan dan pegawai di sana akan membantu anda untuk mendaftar bagi mendapatkan akses kepada perbankan internet/ mudah alih.</p>
<p>9 Apakah dokumentasi yang diperlukan untuk melanggan Sukuk Prihatin?</p>	<p>Tiada dokumen diperlukan oleh kerana permohonan untuk melanggan Sukuk Prihatin dibuat secara digital melalui platform perbankan internet/mudah alih yang disediakan oleh Bank Agihan.</p>
<p>10 Bolehkah saya memohon Sukuk Prihatin secara dalam talian?</p>	<p>Ya, Sukuk Prihatin ditawarkan hanya melalui platform digital sama ada menerusi JomPAY atau DuitNow yang dikendalikan oleh PayNet untuk diakses hanya melalui perbankan internet dan perbankan mudah alih.</p>
<p>11 Bolehkah saya membuat lebih dari satu permohonan untuk Sukuk Prihatin?</p>	<p>Ya, pemohon dibenarkan membuat lebih dari satu permohonan daripada akaun bank yang sama. Setiap permohonan mestilah dibuat dalam amaun minimum RM500 dan dalam gandaan RM100.</p> <p>Nota: Sila elakkan penggunaan lebih dari satu akaun bank daripada Bank Agihan yang sama/berbeza untuk permohonan Sukuk Prihatin kerana hanya permohonan daripada akaun bank dimana permohonan pertama dilakukan sahaja yang akan diterima. Permohonan berikutnya daripada akaun bank lain akan ditolak dan dibayar balik (sila rujuk kepada proses bayaran balik untuk maklumat lanjut).</p>
<p>12 Bagaimanakah saya mengetahui permohonan untuk melanggan Sukuk Prihatin berjaya atau tidak berjaya?</p>	<p>Bagi permohonan yang berjaya/tidak berjaya/ditolak, notis akan dikemukakan oleh Bank Agihan Utama melalui e-mel yang didaftarkan oleh Pemohon semasa permohonan menerusi JomPAY/DuitNow menggunakan platform perbankan internet dan perbankan mudah alih Bank Agihan masing-masing.</p> <p>Bagi pemohon korporat, sila gunakan alamat e-mel sama yang didaftarkan/direkodkan dalam e-saluran masing-masing (ini akan dianggap sebagai alamat e-mel yang sah dan rasmi).</p> <p>Pemohon yang berjaya dan tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin.</p>
<p>13 Adakah terdapat sebarang caj yang perlu dibayar sekiranya saya memohon Sukuk Prihatin?</p>	<p>Sila rujuk kepada Bank Agihan masing-masing untuk butiran lanjut mengenai caj yang dikenakan terutamanya permohonan yang dibuat menerusi DuitNow.</p>

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

### Permohonan

- 14 Bagaimanakah cara untuk saya memohon Sukuk Prihatin menerusi JomPAY atau DuitNow?
- a) Pemohon perlu log masuk ke laman web perbankan dalam talian Bank Agihan masing-masing menerusi JomPAY atau DuitNow untuk membuat pelaburan dengan amaun minimum sebanyak RM500 setiap pelaburan dan dalam gandaan RM100.
  - b) Sebaik sahaja log masuk, Pemohon perlu memilih sama ada “Kod Pengebil” yang ditetapkan (untuk JomPAY) atau “Nombor Pendaftaran Perniagaan” yang ditetapkan (untuk DuitNow). Pemohon boleh memilih untuk mengetepikan amaun Prinsipal mereka dari peringkat awal permohonan.
    - (i) Kod Pengebil JomPAY: 28670 & DuitNow BRN: SUKUKP20PEL - Bagi Pemohon yang berhasrat untuk melabur sahaja; atau
    - (ii) Kod Pengebil JomPAY: 14076 & DuitNow BRN: SUKUKP20SUM - Bagi Pemohon yang berhasrat untuk mengetepikan amaun Prinsipal pada tarikh matang
  - c) Anda kemudian hendaklah mengisi kedua-dua ruang rujukan mandatori Ref-1 (untuk memasukkan nombor telefon Pemohon - iaitu 01XXXXXXX. Tiada langkau) dan Ref-2 ((untuk memasukkan alamat e-mel Pemohon). Bagi Pemohon korporat, sila gunakan alamat e-mel sama yang didaftarkan/direkodkan dalam e-saluran masing-masing (ini akan dianggap alamat e-mel dibenarkan dan rasmi). Kegagalan memberi alamat e-mel yang betul akan mengakibatkan Pemohon tidak dimaklumkan mengenai status permohonan atau tidak boleh menerima e-penyata bagi Sukuk Prihatin pada setiap bulan.
  - d) Pemohon akan dibimbing melalui proses langkah demi langkah semasa membuat permohonan. Proses permohonan secara terperinci ini akan dipaparkan di platform perbankan dalam talian Bank Agihan masing-masing. Pemohon juga boleh melihat Terma & Syarat Sukuk Prihatin di laman sesawang tersebut.
  - e) Pemohon perlu log masuk ke platform perbankan dalam talian Bank Agihan menerusi JomPAY atau DuitNow untuk membuat pelaburan Sukuk Prihatin. Sila ambil perhatian bahawa setiap pelaburan mestilah dalam nilai minimum RM500 dan gandaan RM100.
  - f) Permohonan untuk Sukuk Prihatin adalah sah apabila notis transaksi yang lengkap tertera di skrin sebaik sahaja pembayaran diselesaikan. Notis transaksi boleh dicetak daripada platform perbankan dalam talian Bank Agihan Pemohon sebagai bukti permohonan dibuat untuk Sukuk Prihatin (“**Bukti Permohonan**”).

# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Pegangan Pelaburan

<p>1 Apakah perbezaan di antara Sukuk Prihatin dengan sukuk biasa yang dilanggan oleh pelabur institusi?</p>	<p>Sukuk Prihatin yang ditawarkan kepada pelabur runcit mempunyai ciri-ciri sama seperti bon/sukuk yang diagihkan kepada pelabur institusi. Perbezaannya adalah dari segi platform agihan untuk terbitan utama di mana Sukuk Prihatin ditawarkan melalui platform agihan digital iaitu JomPAY dan DuitNow manakala bon/sukuk biasa ditawarkan melalui kaunter atau (“OTC”) di kalangan pelabur institusi.</p> <p>Perbezaan lain adalah dari segi saiz setiap lot transaksi. Sukuk Prihatin dilaksanakan dalam saiz lot RM100, dengan amaun langganan minimum RM500 Sementara itu, bagi pelabur institusi, transaksi Sukuk biasanya dilaksanakan dalam saiz lot standard iaitu RM5,000,000.</p>
<p>2 Bolehkah Pemegang Sukuk Prihatin memohon daripada Penerbit untuk menebus pegangan mereka lebih awal?</p>	<p>Tidak. Terma Sukuk Prihatin tidak membenarkan Pemegang Sukuk menebus pegangan mereka lebih awal dari tempoh matang Sukuk Prihatin. Semua pelaburan hendaklah dipegang sehingga tarikh matang Sukuk.</p>
<p>3 Mengapakah terdapat pilihan untuk menyetepikan hak menerima amaun Prinsipal pada tempoh matang oleh Pemegang Sukuk Prihatin?</p>	<p>Ciri ini adalah unik bagi Sukuk Prihatin oleh kerana ia memberi peluang kepada Pemegang Sukuk Prihatin untuk menyetepikan amaun Prinsipal mereka yang akan digunakan untuk sebarang perbelanjaan berkaitan pandemik COVID-19 yang diluluskan oleh Kerajaan.</p>
<p>4 Ke manakah amaun Prinsipal yang diketepikan itu akan disalurkan?</p>	<p>Amaun Prinsipal yang diketepikan akan disalurkan kepada akaun amanah Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan (“Akaun Amanah Kerajaan”).</p>
<p>5 Bagaimanakah Pemegang Sukuk menggunakan hak untuk menyetepikan amaun Prinsipal pada tempoh matang?</p>	<p>Pemohon boleh memilih untuk menyetepikan amaun Prinsipal atau sebaliknya sama ada dari peringkat awal permohonan atau dalam tempoh sukuan tahunan terakhir sebelum tempoh matang Sukuk Prihatin.</p> <p><u>Peringkat awal:</u></p> <p>Sebaik sahaja log masuk, Pemohon perlu memilih sama ada “Kod Pengebil” yang ditetapkan (untuk JomPAY) atau “Nombor Pendaftaran Perniagaan” (untuk DuitNow). Pemohon boleh memilih untuk menyetepikan amaun prinsipal mereka dari awal peringkat permohonan.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>➤ Kod Pengebil JomPAY: 28670 &amp; DuitNow BRN: SUKUKP20PEL - Bagi Pemohon yang ingin melabur sahaja; atau</li><li>➤ Kod Pengebil JomPAY: 14076 &amp; DuitNow BRN: SUKUKP20SUM - Bagi Pemohon yang berhasrat untuk menyetepikan amaun Prinsipal mereka apabila sampai tempoh matang</li></ul> <p><u>Sukuan Tahunan Terakhir</u></p> <p>Dalam e-penyata bulanan ke-21, Pemegang Sukuk akan menerima peringatan untuk membuat keputusan akhir sama ada untuk menyetepikan amaun Prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya) atau untuk menerima amaun Prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya). Pemegang Sukuk boleh menghubungi Bank Agihan masing-masing (sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke-21 tersebut sama ada untuk menggunakan hak penepian atau menarik diri daripada membuat sumbangan atau membuat perubahan kepada amaun Prinsipal yang ingin diketepi dan disumbangkan pada tarikh matang.</p>



# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Pegangan Pelaburan

<p>6 Langkah-langkah Pemegang Sukuk menukar status amaun Prinsipal Sukuk Prihatin</p>	<p>Pemegang Sukuk akan menerima peringatan dalam e-penyata bulanan ke-21 untuk membuat perubahan atau pilihan berkenaan amaun Prinsipal yang akan diterima pada tarikh matang dalam tempoh sukuan tahun terakhir dari tarikh matang Sukuk seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Bagi Pemegang Sukuk yang tidak memilih untuk mengetepikan amaun Prinsipal dari peringkat awal dan berhasrat untuk mengetepikan amaun Prinsipal mereka kemudian semasa tempoh pelaburan;</li><li>b) Bagi Pemegang Sukuk yang ingin menarik diri daripada mengetepikan amaun Prinsipal mereka (mereka memilih untuk mengetepikannya pada peringkat awal permohonan);</li><li>c) Bagi Pemegang Sukuk yang ingin menukar amaun untuk diketepikan (penuh/sebahagian).</li></ul> <p>Pemegang Sukuk boleh menghubungi Bank Agihan masing-masing untuk membuat sebarang perubahan berkenaan status pengetepian ke atas amaun Prinsipal.</p> <p>Bagi mereka yang memilih untuk mengetepikan amaun Prinsipal mereka, penyata akhir Pemegang Sukuk akan menunjukkan amaun Prinsipal yang diketepikan dan Pemegang Sukuk boleh menggunakan e-penyata tersebut sebagai bukti bagi tujuan pemfailan cukai (mempunyai nilai yang sama dengan baucar cukai).</p>
<p>7 Sekiranya Pemegang Sukuk Prihatin mengubah fikiran mereka berhubung dengan amaun Prinsipal yang ingin diketepikan, bolehkah ianya diubah?</p>	<p>Ya. Pemegang Sukuk dibenarkan mengubah amaun Prinsipal yang mereka pilih untuk diketepikan apabila Sukuk matang seperti yang diputuskan pada peringkat awal permohonan. Bagaimanapun, perubahan ini hanya boleh dibuat semasa suku tahun terakhir sebelum tempoh matang Sukuk (“Tempoh Perubahan”).</p> <p>Bagi sebarang perubahan, Pemegang Sukuk boleh menghubungi Bank Agihan masing-masing (sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke-21 untuk membuat sebarang perubahan kepada status pengetepian amaun Prinsipal yang kemudiannya hendaklah dimaklumkan kepada Bank Agihan Utama untuk tujuan pengemaskinian pangkalan data. Sebarang permohonan untuk perubahan perlu dibuat oleh Bank Agihan melalui serahan Borang Penyelenggaraan Sukuk Prihatin kepada Bank Agihan Utama melalui e-mel. Serahan permohonan seperti ini akan berkuat kuasa dan dianggap betul pada hari yang sama permohonan tersebut diterima oleh Bank Agihan Utama daripada Bank Agihan.</p> <p>Sekiranya tiada notis perubahan diterima oleh Bank Agihan Utama dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke-21 tersebut, Bank Agihan Utama akan menganggap bahawa semua pemilihan yang dibuat oleh Pemegang Sukuk semasa permohonan Sukuk Prihatin akan kekal berkuat kuasa.</p>

# Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

## Pegangan Pelaburan

<p>8 Sekiranya Pemegang Sukuk telah memilih untuk tidak menyetujui amaun Prinsipal semasa permohonan Sukuk Prihatin, bolehkah mereka mengubahnya jika mereka berhasrat untuk menyetujui amaun Prinsipal sebelum tarikh matang Sukuk?</p>	<p>Ya, boleh. Pemegang Sukuk yang berhasrat menyetujui hak mereka untuk menerima amaun Prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya), boleh melakukan perubahan tersebut dengan menghubungi Bank Agihan (sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) dalam Tempoh Perubahan, sebelum tarikh matang Sukuk Prihatin. Bank Agihan kemudiannya akan memaklumkan perubahan itu kepada Bank Agihan Utama melalui serahan Borang Penyelenggaraan Sukuk Prihatin yang berkenaan untuk maklumat tersebut dikemas kini ke dalam pangkalan data.</p>
<p>9 Adakah terdapat sebarang manfaat berkaitan cukai kepada Pemegang Sukuk sekiranya mereka menyetujui amaun Prinsipal pada tarikh matang?</p>	<p>Ya. Sebarang amaun Prinsipal yang disetujui oleh Pemegang Sukuk akan mendapat pelepasan cukai bagi tujuan pemfailan cukai Pemegang Sukuk Prihatin tersebut bagi tahun taksiran di mana penebusan Sukuk Prihatin dibuat.</p> <p>Pemegang Sukuk boleh menggunakan e-penyata terakhir Sukuk Prihatin yang diterima melalui e-mel daripada Bank Agihan Utama untuk menuntut tolakan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi amaun Prinsipal yang disetujui pada tarikh matang dan pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pegangan Sukuk bagi tahun pemfailan cukai berkaitan.</p> <p>Untuk mengelakkan keraguan, langganan yang dibuat oleh Pemegang Amanah Berdaftar, semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, tidak akan diberi sebarang manfaat berkaitan cukai dibawah skim Sukuk Prihatin.</p>
<p>10 Bagaimanakah Pemegang Sukuk mengemaskini maklumat alamat e-mel/butiran akaun bank (daripada bank sama permohonan dibuat) berkaitan dengan langganan Sukuk?</p>	<p>Perubahan kepada butiran tersebut iaitu nombor akaun (daripada bank sama) dan alamat e-mel boleh dibuat dengan menghubungi Bank Agihan masing-masing (sila rujuk kepada laman sesawang Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) di mana permintaan bagi perubahan itu boleh dibuat dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin (“Tempoh”). Tiada perubahan akan dibenarkan selepas Tempoh tersebut.</p> <p>Pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa selepas Bank Agihan Utama menerima permintaan tersebut melalui Borang Penyelenggaraan Sukuk Prihatin daripada mana-mana Bank Agihan bagi pihak Pemegang Sukuk. Setelah menerima notis tersebut, Bank Agihan Utama akan mengemas kini maklumat dalam masa tiga puluh (30) hari ke dalam pangkalan datanya.</p> <p>Bank Agihan masing-masing bertanggungjawab melaksanakan proses pengesahan yang diperlukan sekiranya menerima permintaan sedemikian daripada Pemegang Sukuk sebelum menyerahkan Borang Penyelenggaraan Sukuk Prihatin kepada Bank Agihan Utama untuk diproses dan maklumat dikemas kini.</p>
<p>11 Adakah Pemegang Sukuk yang membuat lebih daripada satu permohonan melalui platform perbankan internet/ mudah alih Bank Agihan yang sama (daripada satu akaun sahaja) akan menerima penyata disatukan bagi pegangan agregat Sukuk Prihatin mereka?</p>	<p>Tidak. Pemegang Sukuk akan menerima e-penyata bagi setiap permohonan Sukuk Prihatin yang dibuat melalui Bank Agihan (daripada satu akaun sahaja). Bank Agihan Utama tidak akan mengeluarkan sebarang penyata disatukan bagi pegangan agregat mereka sepanjang tempoh Sukuk Prihatin.</p>

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

### Pegangan Pelaburan

12 Apakah faktor yang memberi kesan kepada kadar hasil dan harga Sukuk?	Tidak berkenaan, oleh kerana Sukuk Prihatin tidak boleh diniagakan dan dipindah milik dalam pasaran sekunder. Pelabur dijangka memegang pelaburan mereka dalam Sukuk Prihatin sehingga tempoh matang.
13 Bagaimanakah keuntungan bagi Sukuk Prihatin akan dibayar kepada saya? Adakah ia sama seperti saham?	<p>Bayaran keuntungan akan dikreditkan secara terus oleh Bank Agihan Utama pada setiap suku tahun ke dalam akaun bank Pemegang Sukuk Prihatin di mana dana untuk langganan Sukuk Prihatin didebitkan.</p> <p>Kerajaan akan membayar semua keuntungan dan amaun Prinsipal yang perlu dibayar ke atas Sukuk Prihatin kepada Bank Agihan Utama pada tarikh ia perlu dibayar tertakluk di bawah terma Sukuk Prihatin. Akaun Pemegang Sukuk akan dikreditkan dengan amaun tersebut oleh Bank Agihan Utama pada hari yang sama melalui pindahan GIRO/ RENTAS (yang mana berkenaan).</p> <p>Setiap Pemegang Sukuk akan menerima e-penyata bulanan daripada Bank Agihan Utama melalui e-mel yang didaftarkan semasa permohonan. E-penyata ini penting kepada Pemegang Sukuk bagi tujuan tuntutan cukai (mempunyai nilai yang sama dengan baucar cukai).</p>
14 Bagaimanakah pengiraan bayaran keuntungan?	<p>Contoh pengiraan amaun keuntungan perlu dibayar adalah sama seperti lain-lain sekuriti Kerajaan iaitu menggunakan formula seperti berikut:</p> <p><b>Keuntungan perlu dibayar</b></p> <p>= Kadar Keuntungan ("PR") x Nilai Nominal ("NV") x (1/Kekerapan bayaran) x (Aktual/Aktual)</p> <p>Andaian: PR : 2.0% setahun Nilai Nominal: RM1,000</p> <p>Pengiraan bagi pembayaran keuntungan boleh dijelaskan seperti berikut: = 2.0% x RM1,000 x (365 hari/365 hari) = RM20.00</p> <p>Oleh kerana keuntungan dibayar setiap suku tahun, pembayaran keuntungan bagi setiap tempoh pembayaran adalah: = RM20.00 x (1/4) x (90 hari/90 hari) = RM5.00</p> <p>Keuntungan akan dibayar kepada pelabur pada setiap suku tahun sehingga tarikh matang Sukuk Prihatin, contohnya sekiranya tarikh terbitan Sukuk adalah 22 September 2020, pembayaran keuntungan pertama adalah pada 22 Disember 2020.</p>

## Soalan Lazim Mengenai Sukuk Prihatin

### Pegangan Pelaburan

<p>15 Bagaimanakah untuk mengira amaun yang saya layak terima pada tarikh matang sekiranya saya memutuskan untuk menyetepikan hanya sebahagian amaun Prinsipal saya?</p>	<p>Amaun Prinsipal yang perlu dibayar pada tarikh matang akan dikira seperti berikut:-</p> <p><b>Amaun perlu dibayar pada tarikh matang</b> = Amaun pelaburan awal - Amaun diketepikan sebahagiannya pada tarikh matang</p> <p>Contoh:</p> <p>Mak Cik Kiah melanggan RM10,000 Sukuk Prihatin dan memutuskan untuk menyetepikan RM3,000 daripada amaun Prinsipal yang perlu dibayar kepadanya pada tarikh matang sebagai sebahagian sumbangan beliau kepada akaun amanah Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan (“Akaun Amanah Kerajaan”). Amaun Prinsipal yang beliau akan terima pada tarikh matang adalah seperti berikut:-</p> <p>Pelaburan Awal: RM10,000 Amaun diketepikan sebahagiannya pada tarikh matang : RM3,000 Amaun perlu dibayar apabila matang = RM10,000 - RM3,000 = RM7,000</p>
<p>16 Bagaimanakah penyelesaian akhir amaun Prinsipal dibayar pada tarikh matang kepada Pemegang Sukuk?</p>	<p>Pembayaran bagi penyelesaian akhir amaun Prinsipal kepada Pemegang Sukuk akan dibuat oleh Bank Agihan Utama sama ada melalui GIRO (bagi amaun kurang daripada RM1,000,000) atau RENTAS (bagi amaun lebih daripada RM1,000,000).</p>

SOALAN LAZIM TAMAT

## LAMPIRAN IV

# TERMA & SYARAT SUKUK PRIHATIN

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.



**KERAJAAN MALAYSIA  
TERMA DAN SYARAT SUKUK PRIHATIN**

1.	<b>Penerbit</b>	Kerajaan Malaysia (“ <b>Kerajaan</b> ”)
2.	<b>Instrumen</b>	Sukuk Prihatin (Tanpa Sijil)
3.	<b>Kegunaan Terimaan</b>	Terimaan daripada Sukuk Prihatin akan disalurkan ke Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai langkah yang diumumkan dalam pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan bagi menangani krisis COVID-19.
4.	<b>Saiz Sukuk</b>	Sehingga RM500 juta dalam nilai nominal
5.	<b>Tarikh Terbitan</b>	22 September 2020
6.	<b>Prinsip Islamik</b>	Komoditi Murabahah (melalui Tawarruq)
7.	<b>Tempoh/Tarikh Matang</b>	Sukuk Prihatin bertempoh matang 2 tahun dan akan matang pada 22 September 2022.
8.	<b>Pemohon/ Pembeli yang Layak</b>	<p>1) Rakyat Malaysia yang berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh tutup penawaran; atau</p> <p>2) Syarikat/firma yang diperbadankan di Malaysia (kecuali semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007); atau</p> <p>3) Koperasi, yayasan, pemilik tunggal, perkongsian, persatuan atau badan-badan lain yang beroperasi di Malaysia; atau</p> <p>4) Pemegang amanah yang berdaftar sebagai ahli Persatuan Syarikat Amanah Malaysia (“<b>Pemegang Amanah Berdaftar</b>”), yang bertindak bagi pihak Pemohon/ Pembeli yang Layak dan tergolong dalam item (1), (2) dan (3) di atas.</p> <p>Nota:</p> <p>(a) Permohonan daripada orang yang berusia di bawah 18 tahun dan entiti selain daripada syarikat seperti di (2) dan (3) tidak akan diterima.</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>(b) Permohonan yang dibuat oleh Pemegang Amanah Berdaftar adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Lain.</p> <p>(c) Sebarang permohonan untuk pihak ketiga oleh mana-mana pihak yang bukan Pemegang Amanah Berdaftar adalah tidak dibenarkan.</p> <p>Walau apapun yang dinyatakan di atas, Kerajaan berdasarkan budi bicaranya boleh membenarkan mana-mana Institusi Kewangan yang diperbadankan di Malaysia sebagai Pemohon/Pembeli yang Layak untuk Sukuk Prihatin bagi menaja jamin apa-apa amaun yang dikehendaki bagi terbitan Sukuk Prihatin sekiranya perlu.</p> <p>Pemohon bertanggungjawab memastikan mereka tergolong dalam kriteria kelayakan sebelum membuat sebarang permohonan untuk melanggan Sukuk Prihatin. Sebarang permohonan yang tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti di atas akan ditolak dan bayaran balik akan dibuat oleh Bank Agihan Utama berdasarkan kepada peruntukan Pemberitahuan di bawah.</p>
9.	<b>Kadar Keuntungan</b>	2.0% setahun (tetap sepanjang tempoh matang).
10.	<b>Kekerapan Bayaran Keuntungan kepada Pelabur</b>	<p>Suku tahunan dari Tarikh Terbitan. Bayaran keuntungan yang pertama adalah pada 22 Disember 2020.</p> <p>Bayaran keuntungan akan dikreditkan secara terus ke dalam akaun Pemegang Sukuk oleh Bank Agihan Utama.</p>
11.	<b>Amaun langganan minimum</b>	<p>Setiap langganan/permohonan Sukuk Prihatin (permohonan awal atau sebarang langganan/permohonan berikutnya) hendaklah dengan nilai minimum RM500 dan gandaan RM100.</p> <p>Sebarang langganan/permohonan yang bukan dalam gandaan RM100 akan dibundarkan ke bawah kepada gandaan RM100 yang terdekat oleh BNM dan lebihan akan dibayar balik oleh Bank Agihan Utama kepada Pemohon melalui pindahan dalam talian. Langganan/permohonan yang tidak memenuhi amaun langganan/permohonan minimum tidak akan diterima dan akan dibayar balik kepada Pemohon oleh Bank Agihan Utama.</p>
12.	<b>Amaun langganan maksimum</b>	Tiada amaun maksimum.
13.	<b>Tempoh Langganan</b>	18 Ogos hingga 17 September 2020

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

14.	<b>Penebusan</b>	<p>Pemegang Sukuk boleh menebus Sukuk Prihatin pada nilai nominal hanya pada tarikh matang Sukuk. Amaun prinsipal akan dikreditkan terus ke akaun Pemegang Sukuk pada tarikh matang oleh Bank Agihan Utama.</p> <p>Pemegang Sukuk juga boleh mengetepikan amaun prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya) pada tarikh matang sebagai sumbangan kepada mana-mana akaun amanah Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan ("<b>Akaun Amanah Kerajaan</b>").</p>
15.	<b>Kebolehpindahan dan Serah Hak</b>	<p>Sukuk Prihatin tidak boleh diniaga, dipindah milik dan diserahkan hak.</p>
16.	<b>Pilihan untuk Mengetepikan Amaun Prinsipal pada Tarikh Matang sebagai Sumbangan kepada Kerajaan</b>	<p>Pemegang Sukuk boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengetepikan amaun prinsipal yang perlu dibayar kepadanya (sebahagian atau sepenuhnya) pada tarikh matang, sebagai sumbangan kepada mana-mana Akaun Amanah Kerajaan, sama ada dari peringkat awal permohonan (memilih untuk menyumbang sepenuhnya) atau dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke-21 (memilih untuk menyumbang sebahagian atau sepenuhnya).</p> <p>Pemegang Sukuk akan menerima peringatan melalui e-penyata bulanan ke-21 untuk membuat keputusan akhir sama ada hendak mengetepikan amaun prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya) atau menerima amaun prinsipal (sebahagian atau sepenuhnya). Pemegang Sukuk boleh menghubungi Bank Agihan masing-masing (sila rujuk kepada laman web Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh e-penyata bulanan ke-21 tersebut untuk melaksanakan pilihan sama ada untuk mengetepikan hak atau menarik diri daripada membuat sumbangan atau membuat perubahan kepada amaun prinsipal yang ingin diketepikan dan disumbangkan pada tarikh matang.</p> <p>Sekiranya tiada perubahan dibuat oleh Pemegang Sukuk berkaitan dengan amaun prinsipal Sukuk Prihatin untuk diketepikan (pilihan adalah seperti yang dibuat semasa proses permohonan) Bank Agihan Utama akan bertindak berdasarkan pengesahan yang diterima semasa permohonan Sukuk Prihatin berhubung dengan amaun prinsipal yang perlu dibayar pada tarikh matang.</p> <p>Pemohon dinasihatkan agar membaca dan memahami mekanisme bagi mengetepikan amaun prinsipal yang perlu dibayar pada tarikh matang seperti di bahagian Soalan Lazim ("<b>FAQ</b>") di dalam Pek Maklumat.</p>
17.	<b>Layanan cukai yang diberikan kepada Pemegang Sukuk</b>	<p>(a) Berhubung keuntungan daripada Sukuk Prihatin:-</p> <p>(i) Semua keuntungan daripada sukuk akan mendapat pengecualian cukai;</p>



Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>(ii) Pengecualian ini hanya terpakai untuk Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini dan tidak terpakai kepada:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan</li> <li>2) Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon/Pembeli yang Layak.</li> </ol> <p>(iii) Setiap Pemegang Sukuk perlu menyimpan e-penyata Sukuk Prihatin bagi tujuan pengecualian cukai.</p> <p>(b) Berkenaan dengan penepian amaun prinsipal Sukuk Prihatin:-</p> <p>(i) Hanya terpakai untuk Pemohon/Pembeli yang Layak sahaja seperti yang dinyatakan di dalam ini yang memilih untuk menyetepikan amaun prinsipal (sebahagian/sepenuhnya) sebagai sumbangan kepada Kerajaan pada tarikh matang dan tidak terpakai kepada:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Semua Institusi Kewangan (sepertimana ditafsirkan di dalam ini) dan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan perniagaan pengurusan dana di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan</li> <li>2) Pemegang Amanah Berdaftar yang bertindak bagi pihak Pemohon /Pembeli yang Layak.</li> </ol> <p>(ii) Amaun yang diketepikan dalam (b)(i) akan dibenarkan sebagai potongan cukai bagi tahun taksiran di mana penebusan Sukuk Prihatin dibuat.</p> <p>(iii) Setiap Pemegang Sukuk perlu menyimpan rekod pengesahan permohonan penyetepian amaun prinsipal sebagai bukti untuk tujuan potongan cukai.</p>
18.	<b>Bank Agihan Utama</b>	Malayan Banking Berhad (“ <b>Maybank</b> ”)
19.	<b>Bank Agihan</b>	Bank-bank yang mengambil bahagian seperti senarai di Lampiran I dalam Terma dan Syarat.
20.	<b>Penyedia Perkhidmatan Bayaran</b>	Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“ <b>PayNet</b> ”), pengendali JomPAY dan DuitNow.

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

21.	<b>Saluran Agihan Bank-Bank Agihan</b>	Platform perbankan internet dan perbankan mudah alih Bank Agihan adalah menerusi JomPAY atau DuitNow. Pemohon mestilah merupakan pelanggan Bank Agihan sedia ada dan perlu mengikuti arahan bergantung kepada platform perbankan internet Bank Agihan masing-masing bagi langganan Sukuk Prihatin. Sila rujuk kepada FAQ dalam Pek Maklumat. Pemohon dinasihatkan agar membaca Pek Maklumat dengan teliti dan membuat permohonan untuk melanggan Sukuk Prihatin hanya melalui Bank Agihan yang mengambil bahagian dan menggunakan saluran agihan yang ditawarkan oleh Bank Agihan masing-masing.
22.	<b>Kaedah Bayaran</b>	Bank Agihan masing-masing akan mendebitkan amaun yang bersamaan dengan amaun langganan yang dipohon untuk Sukuk Prihatin daripada akaun Pemohon dengan Bank Agihan masing-masing.
23.	<b>Pemberitahuan</b>	<p>(i) Bagi permohonan yang tidak berjaya/ditolak, notis akan dihantar oleh Bank Agihan Utama kepada e-mel yang didaftarkan oleh Pemohon semasa permohonan menerusi JomPAY atau DuitNow dengan menggunakan platform perbankan internet Bank Agihan masing-masing dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin. Sementara menunggu pemberitahuan rasmi daripada Bank Agihan Utama, bayaran balik akan dikreditkan ke akaun Pemohon dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan Sukuk Prihatin</p> <p>(ii) Bagi permohonan yang berjaya, notis akan dikemukakan oleh Bank Agihan Utama kepada e-mel yang didaftarkan oleh Pemohon semasa permohonan menerusi JomPAY atau DuitNow menggunakan platform perbankan internet Bank Agihan masing-masing dalam masa empat belas (14) hari bekerja dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin (“<b>Notis Langganan</b>”). Bayaran balik (jika ada) berikutan pembundaran ke bawah amaun langganan untuk memenuhi keperluan gandaan RM100, akan dikreditkan ke akaun Pemohon dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan Sukuk Prihatin</p> <p><b>Penafian:</b> Bank Agihan Utama tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan maklumat yang disampaikan oleh Bank Agihan atau kesilapan yang dibuat oleh Pemohon dalam urusan membuat permohonan menerusi JomPAY atau DuitNow (yang berkenaan)</p>
24.	<b>Bukti Permohonan/Sijil/e-Penyata</b>	Permohonan oleh Pemohon untuk Sukuk Prihatin adalah sah apabila notis transaksi tertera di skrin sebaik sahaja pembayaran selesai. Notis transaksi boleh dicetak daripada platform perbankan dalam talian Bank Agihan Pemohon masing-masing sebagai bukti permohonan dibuat untuk Sukuk Prihatin (“ <b>Bukti Permohonan</b> ”).

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>Bukti Permohonan sahaja tidak bermaksud langganan Sukuk Prihatin telah berjaya. Pemohon hanya boleh dianggap sebagai Pemohon Sukuk Prihatin yang berjaya (“<b>Pemohon Sukuk Prihatin yang Berjaya</b>”) dan juga pemegang Sukuk Prihatin hanya setelah menerima Notis Langganan.</p> <p>Bukti Permohonan dan Notis Langganan hendaklah disimpan oleh Pemohon atau Pemohon Sukuk Prihatin Yang Berjaya (yang berkenaan) sebagai rekod pada setiap masa, untuk memudahkan sebarang proses tuntutan bayaran balik atau sebagai bukti langganan Sukuk Prihatin (yang berkenaan).</p> <p>Sebagai bukti pelaburan/pemilikan Sukuk Prihatin dan kelayakan Pemegang Sukuk terhadap Pembayaran Keuntungan, setiap Pemegang Sukuk akan menerima e-penyata bulanan daripada Bank Agihan Utama melalui e-mel yang didaftarkan oleh Pemohon semasa permohonan. E-Penyata ini penting kepada Pemegang Sukuk Prihatin bagi tujuan tuntutan cukai (mempunyai nilai yang sama dengan baucar cukai).</p>
25.	Perundangan	Undang-undang Malaysia

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

## TERMA DAN SYARAT LAIN

TERMA DAN SYARAT LAIN INI PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA DAN SYARAT SUKUK PRIHATIN. PEMEGANG SUKUK ADALAH TERIKAT OLEH TERMA YANG DINYATAKAN DI DALAM INI SEPANJANG TEMPOH SUKUK PRIHATIN

### Definisi

Dalam Terma dan Syarat ini, perkara-perkara di bawah membawa maksud seperti berikut: -

**"Bank Agihan"** merujuk kepada bank yang mengambil bahagian di mana agihan Sukuk Prihatin akan dibuat dan diberi kuasa sebagai institusi depositori hanya untuk transaksi Sukuk Prihatin menurut ketetapan GFA;

**"Bank Agihan Utama"**, atau **"kami"** bermaksud Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) sepertimana dilantik dan diberi kuasa sebagai institusi pelaburan utama hanya untuk transaksi Sukuk Prihatin menurut ketetapan GFA;

**"CMSA"** bermaksud Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

**"BNM"** bermaksud Bank Negara Malaysia, bank pusat Malaysia;

**"DNFBP dan NBF1"** bermaksud Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan Ditetapkan dan Institusi Kewangan Bukan Bank di Malaysia;

**"GFA"** bermaksud Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan sebarang arahan, peraturan, undang-undang atau instrumen lain yang dibuat di bawahnya;

**"Hal Insolvensi"** bermaksud:

- (i) tindakan kebangkrapan atau insolvensi yang dikenakan ke atas Pemegang Sukuk;
- (ii) petisyen untuk pembubaran atau kebangkrapan yang telah dikenakan ke atas Pemegang Sukuk, pengarahnya (jika berkenaan) atau rakan kongsinya (jika berkenaan); atau
- (iii) Pemegang Sukuk, pengarahnya (jika berkenaan), rakan kongsinya (jika berkenaan) dibubar atau diisytihar muflis;

**"Institusi Kewangan"** bermaksud bank berlesen, bank pelaburan berlesen, penanggung insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, bank Islam berlesen, pengendali takaful berlesen dan pengendali takaful antarabangsa berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan dibawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan entiti yang disenaraikan di dalam Bahagian 1 Jadual 4 CMSA;

**"Komoditi"** merujuk kepada komoditi patuh Syariah yang ditetapkan oleh BNM bagi transaksi Komoditi Murabahah;

**"Murabahah (Jualan Kos Tambah)"** bermaksud kontrak jual beli dengan pendedahan harga kos dan margin keuntungan kepada pembeli;

**"PDPA"** bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan sebarang arahan, peraturan, undang-undang atau instrumen dibuat di bawahnya;

**"Pihak Berkuasa"** bermaksud BNM, SC, Polis atau pihak berkuasa lain;

**"Pek Maklumat"** merujuk kepada pek maklumat bertarikh 18 Ogos 2020 berkaitan Sukuk Prihatin;

**"Polis"** merujuk kepada Polis Diraja Malaysia;

**"Pemegang Sukuk"** bermaksud pemegang Sukuk Prihatin;

**"SC"** bermaksud Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

**"Tawarruq (Jualan Tiga Pihak)"** bermaksud membeli komoditi dengan harga tangguh, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga bagi memperoleh wang tunai;

**"Terma dan Syarat"** bermaksud terma dan syarat Sukuk Prihatin;

**"Undang-Undang Pencegahan Rasuah"** bermaksud semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan rasuah dan penyelewengan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Asing AS 1977, Akta Rasuah UK 2010;

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

“**Undang-Undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram**” bermaksud semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan keganasan dan hasil daripada kegiatan haram termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

1.	<p><b>Perubahan butiran alamat e-mel/maklumat akaun bank (daripada bank yang sama)</b></p>	<p>a) Pemegang Sukuk perlu memaklumkan segera sebarang perubahan kepada Bank Agihan dengan menghubungi mereka (sila rujuk kepada laman web Bank Agihan masing-masing untuk maklumat lanjut) di mana permintaan untuk perubahan tersebut boleh dibuat dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh tutup penawaran Sukuk Prihatin (“<b>Tempoh</b>”). Pemberitahuan tersebut akan berkuat kuasa apabila borang penyelenggaraan diterima oleh Bank Agihan Utama daripada mana-mana Bank Agihan bagi pihak Pemegang Sukuk. Setelah menerima permintaan tersebut, Bank Agihan Utama akan mengemaskini maklumat berkenaan ke dalam pangkalan datanya. Bank Agihan masing-masing bertanggungjawab melaksanakan proses pengesahan yang diperlukan apabila menerima sebarang permintaan daripada Pemegang Sukuk sebelum menyerahkan borang penyelenggaraan maklumat kepada Bank Agihan Utama untuk diproses dan maklumat dikemas kini.</p> <p>b) Kerajaan dan ejennya (yang dilantik untuk Sukuk Prihatin) berhak untuk menganggap bahawa butiran yang diberikan pada masa permohonan Sukuk Prihatin adalah betul, sah dan tepat jika tiada pemberitahuan diterima yang memaklumkan sebaliknya dalam Tempoh itu.</p>
2.	<p><b>Akta Privasi</b></p>	<p>a) Setiap Pemohon Sukuk Prihatin mengaku dan bersetuju bahawa mereka terikat oleh dasar PDPA Bank Agihan masing-masing, Bank Agihan Utama, BNM &amp; PayNet (“<b>Pihak Terlibat</b>”). Dasar PDPA Bank Agihan Utama boleh didapati di <a href="https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/maybank/document/my/en/personal/PDP-A-mbb.pdf">https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/maybank/document/my/en/personal/PDP-A-mbb.pdf</a></p> <p>b) Apabila Pemohon memohon untuk langganan Sukuk Prihatin, mereka dianggap telah bersetuju untuk data peribadi mereka digunakan, diproses, dikongsi, disimpan dan dikekalkan beserta dengan data lain yang didedahkan untuk Sukuk Prihatin. Penggunaan yang dipersetujui adalah termasuk untuk kegunaan oleh Penerbit, Bank Agihan, Bank Agihan Utama, BNM dan PayNet dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam Sukuk Prihatin.</p> <p>c) Sekiranya Pemegang Sukuk mendedahkan maklumat individu lain selain daripada diri mereka sendiri untuk Sukuk Prihatin, mereka dengan itu menjamin bahawa mereka telah mendapatkan persetujuan semua individu tersebut terhadap pemberian data mereka kepada Pihak Terlibat bagi tujuan yang disebutkan di atas dan bagi pendedahan kepada pihak yang disebutkan di atas. Selain daripada untuk tujuan yang mana pendedahan maklumat dibuat, keadaan lain di mana maklumat Pemegang Sukuk boleh didedahkan adalah apabila ia:</p> <p>(i) diperlukan oleh undang-undang di bawah mana-mana perundangan atau peraturan,</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>agensi Kerajaan atau perintah mahkamah; atau</p> <p>(ii) diperlukan oleh BNM atau Bank Agihan Utama bagi tujuan menyelesaikan, mengesah atau mengehadkan sebarang transaksi yang dibuat oleh mereka; atau</p> <p>(iii) dibenarkan oleh Pemegang Sukuk untuk penjelasan rekod transaksi mereka; atau</p> <p>(iv) dibuat kepada Biro Kredit seperti yang diminta oleh BNM.</p> <p>Persetujuan yang diberikan di sini akan terus terpakai walaupun berlakunya kematian, insolvensi, ketidakupayaan Pemegang Sukuk dan penamatan Terma dan Syarat ini.</p>
<p><b>3.</b></p>	<p><b>Hak Bank Agihan dan Bank Agihan Utama untuk mendebit atau mengkredit akaun Pemegang Sukuk (yang berkenaan)</b></p>	<p>a) Pemegang Sukuk bersetuju bahawa Bank Agihan mempunyai hak untuk menahan dan/atau mendebit akaun Pemegang Sukuk dengan Bank Agihan masing-masing dalam cara yang Bank Agihan anggap sesuai, sebarang jumlah yang telah dikreditkan oleh Bank Agihan Utama atau Bank Agihan (yang berkaitan) ke dalam akaun Pemegang Sukuk apabila diarahkan berbuat demikian melalui perintah mahkamah dan/atau apabila diperlukan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, arahan dan/atau keperluan pihak berkuasa.</p> <p>b) Pemegang Sukuk juga bersetuju bagi setiap pembayaran atau pindahan yang mereka buat/terima melalui mana-mana saluran rangkaian yang dikendalikan oleh PayNet, ianya akan diproses di bawah peraturan dan prosedur operasi PayNet (secara kolektif "<b>Peraturan</b>").</p> <p>c) Pemegang Sukuk juga mengaku bahawa bagi sebarang pindahan atau pembayaran yang dipertikaikan (contohnya disebabkan maklumat yang silap, salah atau mengelirukan atau disebabkan oleh penipuan), Bank Agihan atau Bank Agihan Utama (yang berkenaan) akan mengikut Peraturan dan akan melaksanakan hak yang termaktub dalam Peraturan termasuk mendebitkan amaun yang dipertikaikan daripada akaun Pemegang Sukuk dan memindahkannya semula kepada pemindah sekiranya Pemegang Sukuk gagal membuktikan pemilikan amaun tersebut. Bank Agihan atau Bank Agihan Utama juga mempunyai hak untuk mengetepikan amaun yang dipertikaikan itu setelah menerima notis pertikaian.</p> <p>d) Pemegang Sukuk bersetuju bahawa Bank Agihan ataupun Bank Agihan Utama tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Sukuk berkaitan dengan Bank Agihan atau Bank Agihan Utama dalam mematuhi Peraturan.</p>
<p><b>4.</b></p>	<p><b>Komunikasi/Maklumat</b></p>	<p>a) Pemegang Sukuk bersetuju bahawa, atas permintaan mereka, Bank Agihan diberi kebenaran untuk memberi maklumat berkaitan dengan akaun dan pemegangan Sukuk Prihatin mereka melalui telefon, teleks atau faksimili kepada Pemegang Sukuk.</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>b) Pemegang Sukuk memberi kebenaran kepada Bank Agihan Utama untuk menghantar sebarang maklumat akaun, maklumat terkini dan peringatan berkenaan dengan pemegangan Sukuk Prihatin mereka melalui e-mel ke alamat e-mel yang telah diberikan kepada Bank Agihan Utama, termasuk sebarang maklumat terkini yang mana Bank Agihan Utama mungkin maklumkan dari semasa ke semasa di sepanjang tempoh Sukuk Prihatin. BNM tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan Bank Agihan Utama untuk menghantar maklumat dan peringatan berkenaan dengan pemegangan Sukuk Prihatin.</p> <p>c) Bank Agihan Utama diberi kebenaran untuk bergantung dan juga bertindak atas pengesahan yang diterima daripada Bank Agihan, tentang sebarang maklumat yang diberikan, dan dibenarkan untuk menganggap bahawa pengesahan tersebut yang mana Bank Agihan Utama mengikut budi bicaranya, percaya bahawa ia adalah sememangnya daripada Pemegang Sukuk (melalui Bank Agihan), telah diberikan kebenaran sepenuhnya oleh Pemegang Sukuk dan untuk bergantung dan bertindak ke atasnya, dan Bank Agihan Utama tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Sukuk sekiranya mana-mana pengesahan tersebut sebenarnya bukan datang daripada mereka.</p>
5.	<b>Penyata pegangan Sukuk Prihatin</b>	<p>a) Penyata pemegangan Sukuk Prihatin (“<b>e-penyata</b>”) akan dihantar oleh Bank Agihan Utama kepada Pemegang Sukuk melalui e-mel pada setiap bulan.</p> <p>b) Pemegang Sukuk bersetuju bahawa semua e-penyata dan sebarang dokumen lain yang mungkin berkaitan dengan pemegangan Sukuk Prihatin akan disimpan oleh Penerbit dan Bank Agihan Utama menurut dasar penyimpanan maklumat masing-masing.</p>
6.	<b>Undang-Undang Pencegahan Rasuah, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Sekatan</b>	<p>Pemegang Sukuk dengan ini membuat akuan dan menjamin kepada Penerbit, Bank Agihan Utama, Bank Agihan, PayNet dan BNM bahawa: -</p> <p><b>a) Undang-Undang Pencegahan Rasuah</b></p> <p>Ia akan pada sepanjang masa mengendalikan akaun yang didaftarkan bagi tujuan pegangan Sukuk Prihatin (“<b>Akaun</b>”) dalam pematuhan terhadap semua Undang-Undang Pencegahan Rasuah, dasar dan peraturan yang berkaitan.</p> <p><b>b) Pencegahan Pengubahan Wang Haram</b></p> <p>(i) Tidak ada dana yang dipindahkan ke dalam dan dari Akaun ini adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk kegiatan haram sepertimana ditafsirkan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613].</p> <p>(ii) Sepanjang tempoh Sukuk Prihatin, mereka tidak akan mengendalikan Akaun untuk: -</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan kegiatan haram;</li> <li>(ii) menyembunyi atau menyamarkan bentuk sebenar sebarang kegiatan haram; dan/atau</li> <li>(iii) menggunakan sebarang wang daripada Akaun bagi tujuan pengubahan wang haram atau tujuan haram lain.</li> </ul> <p><b>c) Sekatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Sepanjang pengetahuan terbaiknya bahawa ia tidak (i) buat masa ini tertakluk kepada sebarang sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu OFAC atau penguat kuasa sekatan lain yang berkenaan (secara kolektif “<b>Sekatan</b>”), atau (ii) bertempat atau penduduk dalam negara atau wilayah yang tertakluk kepada Sekatan OFAC Amerika Syarikat.</li> <li>(ii) Ia tidak akan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyediakan dalam sebarang cara, sebarang hasil daripada pengeluaran tunai kepada mana-mana individu atau entiti yang merupakan subjek Sekatan.</li> </ul>
7.	<p><b>Perjanjian Agensi bagi transaksi Komoditi Murabahah Sukuk Prihatin</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menurut Perjanjian Agensi bagi transaksi Komoditi Murabahah Sukuk Prihatin, Pemegang Sukuk dengan ini bersetuju melantik BNM untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak mereka untuk menjalankan transaksi Komoditi Murabahah serta bertindak bagi pihaknya untuk hal-hal berkaitan dengan belian atau jualan Komoditi yang berkaitan dengan terbitan Sukuk Prihatin.</li> <li>(ii) Sila rujuk kepada Perjanjian Agensi bagi transaksi Komoditi Murabahah Sukuk Prihatin (dikepikan bersama-sama ini di Lampiran II) berhubung dengan terma dan syarat pelantikan BNM sebagai ejen bagi Pemegang Sukuk.</li> <li>(iii) Transaksi Komoditi Murabahah akan dilaksanakan mengikut tatacara berikut: - <ul style="list-style-type: none"> <li>a) BNM bertindak sebagai ejen Pemegang Sukuk untuk membeli Komoditi pada asas lani.</li> <li>b) Setelah pembelian selesai, BNM bagi pihak Pemegang Sukuk akan menjual Komoditi kepada Kerajaan pada harga kos ditambah dengan margin keuntungan yang perlu dibayar pada asas pembayaran tertunda. <ul style="list-style-type: none"> <li>1) kewajipan Kerajaan dalam bentuk kontrak untuk menyelesaikan harga jualan dibuktikan dalam bentuk Sukuk Prihatin yang diterbitkan kepada Pemegang Sukuk.</li> <li>2) keuntungan daripada jualan adalah keuntungan Sukuk Prihatin, akan dibayar secara berkala pada setiap suku tahun. Pada tarikh matang Sukuk Prihatin, Kerajaan akan membayar amaun prinsipal dan keuntungan akhir yang perlu</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>



Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>dibayar kepada Pemegang Sukuk, untuk menebus Sukuk Prihatin.</p> <p>(iv) BNM sebagai ejen Kerajaan akan menjual Komoditi pada harga kos pada asas lani dan memindahkan tunai kepada Kerajaan.</p>
<b>8.</b>	<b>Pelbagai</b>	
<b>a)</b>	<b>Pertanyaan/ Aduan</b>	<p>Sekiranya Pemegang Sukuk mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan dengan pemegangan Sukuk Prihatin, mereka boleh menghubungi Bank Agihan masing-masing (melalui pusat panggilan Bank Agihan) di mana permohonan dibuat seperti yang disenaraikan dalam Lampiran Pek Maklumat.</p>
<b>b)</b>	<b>Terma Lain Khusus kepada Pemegangan Sukuk Prihatin</b>	<p>(i) Sebarang permohonan dan/atau langganan Sukuk Prihatin oleh perkongsian atau pemilik tunggal akan diuruskan berdasarkan butiran yang diberi kepada Bank Agihan Utama pada masa permohonan dibuat melalui Bank Agihan masing-masing dan Bank Agihan Utama berhak untuk menganggap bahawa tiada perubahan dalam keahlian firma itu sama ada disebabkan oleh kematian, muflis, persaraan atau sebaliknya dan/atau kemasukan rakan niaga baharu dan/atau penamatan sebarang kuasa mana-mana rakan kongsi dalam firma perkongsian.</p> <p>Pemegang Sukuk dengan ini bersetuju bahawa berikutan kematian mana-mana ahli perkongsian, Bank Agihan Utama akan memutuskan tindakan selanjutnya berkaitan dengan pegangan Sukuk Prihatin mengikut budi bicaranya.</p> <p>(ii) Sekiranya berlaku kematian, muflis atau ketidakwarasan mana-mana Pemegang Sukuk individu, pemegangan Sukuk Prihatin boleh dituntut dan dibayar kepada orang yang berhak tertakluk kepada sebarang pematuhan berkanun (jika diperlukan) dengan perundangan berkaitan yang terpakai pada masa tersebut atau sebarang perintah mahkamah tertakluk kepada Bank Agihan Utama diberikan hak menuntut ganti rugi oleh orang yang berhak itu terhadap sebarang tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank Agihan Utama disebabkan Bank Agihan Utama membuat pembayaran tersebut.</p> <p>(iii) Bank Agihan Utama boleh secara munasabah mengikut budi bicaranya, menggantung sebarang pembayaran yang perlu dibuat menurut sebarang pemegangan Sukuk Prihatin oleh mana-mana Pemegang Sukuk untuk apa-apa sebab, melainkan sekiranya ia dilarang berbuat demikian oleh undang-undang. Sebab-sebab itu termasuk: -</p> <p>a) laporan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa terhadap Pemegang Sukuk atau Akaun oleh sesiapa termasuk Bank Agihan Utama dan Bank Agihan Utama diarahkan secara tersurat untuk menggantung pembayaran itu;</p> <p>b) siasatan sedang dijalankan oleh Pihak Berkuasa atau oleh Bank Agihan Utama terhadap Pemegang Sukuk atau Akaun dan pembayaran diarahkan agar ditahan sementara menunggu siasatan selesai;</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>c) kegagalan untuk memaklumkan Bank Agihan Utama mengenai sebarang perubahan dalam butiran peribadi Pemegang Sukuk seperti nombor telefon dan alamat e-mel;</p> <p>d) kematian Pemegang Sukuk di mana undang-undang harta pusaka yang berkuat kuasa akan diberi keutamaan;</p> <p>e) Bank Agihan Utama menerima arahan daripada mana-mana Pihak Berkuasa, perintah mahkamah atau dokumen undang-undang lain yang melarang Akaun daripada dikendalikan atau pembayaran dibuat kepada Akaun.</p> <p>(iv) Bank Agihan Utama akan melaksanakan budi bicaranya yang munasabah sama ada untuk memaklumkan Pemegang Sukuk mengenai pengantungan di atas. Pengantungan hanya boleh ditarik balik mengikut budi bicara Bank Agihan Utama setelah dibuktikan oleh dokumen-dokumen berkenaan seperti yang diminta oleh Bank Agihan Utama.</p>
<p>c)</p>	<p><b>Langganan oleh Pemegang Amanah bagi pihak benefisiari kepada Sukuk Prihatin</b></p>	<p>(i) Hanya permohonan oleh Pemegang Amanah Berdaftar akan diterima bagi tujuan Sukuk Prihatin.</p> <p>(ii) Berkaitan dengan sebarang langganan Sukuk Prihatin oleh Pemegang Amanah Berdaftar bagi mana-mana benefisiari, Bank Agihan Utama, Bank Agihan, BNM dan Penerbit berhak untuk bergantung kepada perkara berikut: -</p> <p>(a) Bahawa Pemegang Amanah Berdaftar telah mengesahkan kepada Bank Agihan tentang keperluan pemeriksaan "Kenali Pelanggan Anda" ("<b>KYC</b>") berdasarkan keperluan AMLA dan/atau dokumen polisi AML/CFT yang dikeluarkan untuk DNFBP (Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Sasaran bagi Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan &amp; Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFI) (AML/CFT dan TFS untuk DNFBP dan NBFI)) dan dokumen-dokumen berkenaan yang lain yang dikeluarkan oleh BNM untuk proses pendaftaran;</p> <p>(b) Bahawa menurut sebarang pengisytiharan yang dibuat/dikeluarkan kepada Pemegang Amanah Berdaftar masing-masing berkaitan dengan keperluan KYC semasa proses pendaftaran kepada Bank Agihan, benefisiari tidak melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan haram mahupun wang yang diperolehi daripada mana-mana sumber haram atau berkaitan dengan kegiatan haram; dan</p> <p>(c) Benefisiari yang melanggan Sukuk Prihatin memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Sukuk Prihatin ini.</p> <p>(d) Setiap Bank Agihan dan juga Bank Agihan Utama tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana pihak yang terlibat dalam Sukuk Prihatin sekiranya Pemegang Amanah Berdaftar yang memohon/melanggan Sukuk Prihatin gagal</p>

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

		<p>mematuhi kewajipan dalam perenggan (c) di atas berkaitan dengan permohonan/langganan tersebut (yang berkenaan).</p>
<p><b>d)</b></p>	<p><b>Kewajipan Berasingan</b></p>	<p>Setiap Bank Agihan yang mengambil bahagian dan Bank Agihan Utama mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing yang berbeza, berasingan dan tidak akan menjadi bersama atau bersama dan berasingan.</p> <p>Tiada bank yang akan bertanggungjawab terhadap prestasi pematuhan bank lain dan sebarang pelanggaran, kegagalan prestasi atau kemungkiran oleh satu pihak bank tidak akan mengakibatkan pelanggaran, kegagalan prestasi atau kemungkiran oleh bank lain. Setiap bank akan bertanggungjawab dan menanggung tindakan dan ketidakpatuhannya sendiri dan setiap bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan bank lain dalam memenuhi kewajipan mereka di bawah Terma dan Syarat ini. Tiada sebarang klausa di dalam Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai membentuk dan membuktikan bahawa wujudnya perkongsian di antara bank-bank yang terlibat.</p> <p>Tanpa prejudis kepada keseluruhan di atas, kewajipan menjalankan pemeriksaan KYC dan <i>due diligence</i> pelabur akan menjadi tanggungjawab Bank Agihan masing-masing melalui proses pendaftaran dalaman dan prosedur mereka yang sedia ada, termasuk menjalankan pemeriksaan latar belakang menurut Undang-Undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.</p> <p>Bank Agihan Utama akan menganggap bahawa semua data peribadi dan data lain mengenai Pemohon adalah benar dan betul apabila diterima dan akan bergantung kepada pemeriksaan yang dibuat oleh Bank Agihan masing-masing dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan atau data tidak tepat yang diberi oleh Pemohon kepada Bank Agihan.</p>

AKHIR TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

**LAMPIRAN I**  
**SENARAI BANK AGIHAN**

	Distribution Banks	E-Channels Offered			
		JomPAY		DuitNow	
		Retail	Corporate	Retail	Corporate
1	Affin Bank Berhad			✓	✓
2	Agrobank	✓	✓	✓	✓
3	Alliance Bank Malaysia Berhad	✓	✓	✓	✓
4	Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	✓	✓	✓	✓
5	AmBank (M) Berhad	✓	✓	✓	✓
6	Bank Islam Malaysia Berhad	✓	✓	✓	
7	Bank Muamalat Malaysia Berhad	✓	✓	✓	✓
8	CIMB Bank Berhad	✓	✓	✓	
9	Hong Leong Bank Berhad			✓	✓
10	Malayan Banking Berhad	✓	✓	✓	✓
11	MBSB Bank Berhad	✓	✓	✓	✓
12	Public Bank Berhad	✓	✓	✓	✓
13	RHB Bank Berhad	✓	✓	✓	✓
14	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	✓	✓	✓	
15	Bank Simpanan Nasional	✓	✓		
16	Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	✓	✓
17	MUFG Bank (Malaysia) Berhad		✓		✓
18	BNP Paribas Malaysia Berhad		✓		
19	Citibank Berhad	✓		✓	
20	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad		✓		
21	HSBC Bank Malaysia Berhad	✓	✓	✓	✓
22	Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad	✓	✓	✓	✓
23	Mizuho Bank (Malaysia) Berhad				✓
24	OCBC Bank (Malaysia) Berhad	✓	✓		✓
25	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	✓	✓		
26	Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad		✓		
27	United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	✓	✓		

Nota: Sila rujuk kepada Pek Maklumat untuk butiran lanjut mengenai had traksaksi Bank Agihan masing-masing

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin (“**Terma dan Syarat**”) adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

## LAMPIRAN II

### **AGENCY AGREEMENT FOR THE COMMODITY MURABAHAH TRANSACTION FOR THE SUKUK PRIHATIN**

We, the successful applicants for the Sukuk Prihatin (hereinafter referred to as “Successful Sukuk Prihatin Applicants”) hereby appoint Bank Negara Malaysia (BNM) as our agent to act on our behalf for all matters relating to the purchase or sale of commodities in relation to the issuance of the Sukuk Prihatin subject to the following terms and conditions:

1. The Sukuk Prihatin is issued by the Minister of Finance pursuant to section 3 of the Government Funding Act 1983 based on Shariah principles of Murabahah.
2. The Government of Malaysia and BNM have entered into a legally binding Commodity Murabahah Agreement for the Sukuk Prihatin which governs the roles and obligations of the Government of Malaysia and BNM with respect to the issuance of the Sukuk Prihatin.
3. BNM is hereby authorised and shall, as our agent-
  - a) purchase such commodities as BNM thinks fit on wholesale basis using the proceeds of the Successful Sukuk Prihatin Applicants; or
  - b) sell the purchased commodity to the Government of Malaysia based on Shariah principles of Murabahah.
4. BNM may appoint another financial institution or any other institution as BNM deems appropriate to act on its behalf.

#### Liability

5. BNM shall not be liable for any loss, costs, liabilities or expenses arising under this Agency Agreement for the Commodity Murabahah Transaction for the Sukuk Prihatin (hereinafter referred to as the “Agreement”) unless it acts grossly negligent in performing its obligations under the Agreement.

#### Termination

6. This Agreement shall be terminated in accordance with the following terms and conditions:
  - (a) by BNM giving the Successful Sukuk Prihatin Applicants seven (7) Business Days prior written notice; or
  - (b) by mutual agreement of the parties; or
  - (c) where the Commodity Murabahah Agreement for the Sukuk Prihatin is terminated in accordance with its terms.

The termination of this Agreement shall not affect the parties’ accrued rights and obligations hereunder.

#### Force Majeure

7. If the fulfillment of the terms and conditions of this Agreement is rendered impossible due to force majeure events, i.e. extraordinary and unforeseen circumstances which are beyond BNM’s reasonable control, BNM shall not be liable for any delay in performance of its obligations, but shall not be released from the obligations under this Agreement. BNM shall promptly inform the Successful Sukuk Prihatin Applicants of the circumstances and shall use all reasonable endeavours to comply with its obligations or provide alternate performance reasonably acceptable to the Successful Sukuk Prihatin Applicants. In the event such incapacitation continues for a period of fourteen (14) days from the date of the first such force majeure event, the parties shall have the right to terminate the Agreement after making mutually agreeable reasonable settlements. For avoidance of doubt, force majeure events shall include war or hostilities, any state of riots, civil commotion, earthquake, flood, fire, tempest, pandemic and any other natural disaster or any event beyond the reasonable control of the parties.

Terma dan syarat terperinci mengenai Sukuk Prihatin ("**Terma dan Syarat**") adalah seperti di bawah. Pelabur dinasihatkan untuk memohon, membaca dan juga memahami maklumat yang disertakan dalam Pek Maklumat sebelum membuat keputusan untuk melabur. Semua Terma dan Syarat ini mengandungi maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Lain.

#### Governing Law

8. This Agreement shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

#### No waiver of rights

9. A failure or delay in exercising any right, power or privilege in respect of this Agreement will not be presumed to operate as a waiver and a single or partial exercise of any right, power or privilege will not be presumed to preclude any subsequent or further exercise of that right, power or privilege or the exercise of any other right, power or privilege.

#### Severability

10. If at any time any provision of this Agreement becomes illegal, unlawful, invalid or unenforceable in any respect under the laws of Malaysia, the legality, validity or enforceability of the remaining provisions hereof shall not in any way be affected or impaired thereby.

#### Entire Agreement

11. This Agreement constitutes the entire agreement and understanding of the parties with respect to its subject matter.